



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF. MADYA DATO' DR. HILMI BIN AB RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN KELANTAN**

**OLEH:**

**ILI FAHMEEDA BINTI ISMAIL    2011188837  
NUR FARHANA BINTI ZAIDI    2011143327**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PROF. MADYA DATO' DR. HILMI BIN AB RAHMAN  
REKTOR UiTM CAWANGAN KELANTAN**

**OLEH:**

**ILI FAHMEEDA BINTI ISMAIL    2011188837  
NUR FARHANA BINTI ZAIDI    2011143327**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

# **PENGHARGAAN**

# Penghargaan

Bersyukur kami ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNYA, dapat kami menyiapkan projek Sejarah Pendokumentasian Lisan ini dengan jayanya. Kami berharap agar projek ini dapat memberikan manfaat dan dijadikan rujukan kepada pihak yang berminat. Pertama sekali, penghargaan kami sudah tentulah kepada Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman, Rektor UiTM Cawangan Kelantan.

Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kesudian beliau untuk diwawancara sebagai tokoh dalam bidang pendidikan amnya. Kesudian dan kerjasama beliau amatlah dihargai. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nor Kamariah binti Chik selaku pensyarah kami untuk kursus ini iaitu *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR 604). Penghargaan ini ditujukan atas usaha sama yang telah beliau berikan dari segi memberikan kami nasihat dan mengajar kami teknik-teknik untuk membuat dan menyiapkan kerja projek ini. Tanpa bantuan dan tunjuk ajar beliau, pasti kami menghadapi masalah dan sukar untuk menyiapkan tugas ini.

Di samping itu juga, ucapan ribuan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang tidak putus-putus memberikan sokongan, semangat dan pandangan dalam menyiapkan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vi
Pengenalan.....	x
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan.....	18
Bahagian 3: Aspek Kerjaya.....	28
Bahagian 4: Harapan.....	41
Rujukan.....	47
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	50
Senarai soalan.....	53
Surat Perjanjian.....	58
Gambar.....	60
Indeks.....	62

# **ABSTRAK**

## **Abstrak**

*Abstrak: Transkrip ini mengandungi temu bual bersama Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman mengenai kerjaya beliau dalam bidang pendidikan. Transkrip temubual ini dijalankan di pejabat Prof. sendiri iaitu di Pejabat Rektor, UiTM Kampus Machang, cawangan Kelantan. Kini, beliau menjawat jawatan selaku Rektor UiTM Cawangan Kelantan. Temubual ini berkisar mengenai pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang pendidikan, strategi-strategi bagi menaikkan ranking UiTM serta harapan beliau terhadap pelajar UiTM.*

*Kata kunci: Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman, bidang pendidikan, Rektor UiTM Cawangan Kelantan.*



# **BIODATA TOKOH**

## Biodata Tokoh



- Nama** : Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman
- Tarikh Lahir** : 10 Julai 1959
- Tempat Lahir** : Kelantan
- Umur** : 55 tahun
- Pendidikan** :
- Sekolah rendah di Tanah Merah
  - Sekolah Tuanku Abdul Rahman (STAR) (1975)
  - Diploma in Research Method, Universiti Malaya
  - Master in Corporate Management at Canterbury Business School (CBS), University of Kent (1989)
  - Doktor Falsafah Perdagangan Antarabangsa di Bradford Management Centre di University of Bradford (1996)
- Pencapaian di peringkat UiTM** :
- Anugerah Kualiti Naib Canselor (3 tahun berturut-turut di UiTM Pahang)
  - Kampus Cawangan Terbaik, Bahagian Terbaik, Fakulti Terbaik dan Keseluruhan Terbaik UiTM Pahang (Hari Inovasi peringkat UiTM)
- Sumbangan** : Penyokong kuat dalam pelaksanaan Mengubah Destini Anak Bangsa bermula di UiTM Pahang.

- Hobi** : Membaca buku dan berbasikal
- Adik-beradik** : 2 lelaki, 3 perempuan
- Status** : Berkahwin, seorang isteri
- Bilangan anak** : 2 orang
- Antara jawatan yang pernah disandang sepanjang berkhidmat di UiTM** :
- Ketua Kursus Diploma Perakaunan di UiTM Sabah
  - Ketua Kajian Luar Kampus
  - Biro Koordinator Kajian
  - Timbalan Hal Ehwal Pelajar
  - Rektor UiTM Pahang (2008-2013)
  - Rektor UiTM Cawangan Kelantan (akhir tahun 2013-sekarang)

# **PENGENALAN**

# Pengenalan

Tugasan projek ini dijalankan di bawah kursus IMR 604, *Oral History Documentation* atau Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami dari Fakulti Pengurusan Maklumat jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Sistem) Maklumat telah ditugaskan untuk menjalankan satu projek pendokumentasian sejarah lisan yang diadakan bersama dengan tokoh pilihan. Bagi memenuhi kriteria tokoh pilihan dalam kursus IMR604 ini, tokoh tersebut mestilah berusia lebih kurang 50 tahun ke atas, mempunyai banyak pengalaman dalam bidang kerjayanya dan banyak sumbangan terhadap pembangunan negara. Pengalaman yang banyak dan berguna dari seorang tokoh insane wajar dikongsi dan dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat. Ketokohnya akan dibukukan dalam sebuah transkrip dari perbualan secara lisan bersama beliau.

Sebagai tokoh telah kami pilih berdasarkan ketokohan dan pengalaman beliau yang sangat banyak dalam bidang pendidikan. Beliau ialah Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman yang merupakan seorang insan yang telah banyak menyumbang dalam pembangunan pendidikan di dalam UiTM amnya. Beliau kini berkhidmat sebagai Rektor UiTM Cawangan Kelantan dengan bermula dari bawah, iaitu sebagai seorang staf di UiTM. Kesungguhan, minat dan pengalaman beliau dalam bidang pendidikan semakin terserlah apabila beliau mula berkhidmat di UiTM Sabah bermula pada tahun 1984. Di sana, beliau pernah menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengarah selama 12 tahun sebelum beliau ditukarkan cawangan di UiTM Pahang sebagai Rektor disana. Pengalaman berharga beliau telah melonjak naik nama UiTM Pahang sehingga merangkul pelbagai anugerah iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor selama tiga tahun berturut-turut.

Kesungguhan beliau juga dapat dilihat melalui sokongan kuat di dalam program Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB) dimana beliau memberi komitmen 100% dalam menyertai siri jelajah MDAB hampir di pelusuk pendalaman negeri Pahang. Justeru itu, pengalaman berharga ini juga membuat beliau prihatin terhadap setiap aspek dalam bidang pendidikan di kalangan pelajar. Beliau juga memegang erat pada aspek keaturan dan keseragaman dalam sesebuah organisasi. Sehubungan dengan itu, beliau yakin sekiranya perhubungan antara pelajar dan pensyarah baik, nescaya dapat menjalin kerjasama yang dapat membantu pada kedua-dua belah pihak.

# TRANSKRIP

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan bersama Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab Rahman mengenai pengalaman beliau sepanjang menceburi bidang pendidikan, strategi-strategi bagi menaikkan ranking UiTM serta harapan beliau terhadap pelajar UiTM. Rakaman ini telah dijalankan di UiTM Machang bertarikh 7 April 2014 pada jam 8.30 pagi. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Ili Fahmeeda binti Ismail dan Nur Farhana binti Zaidi. Dengan segala hormatnya kita mulakan rakaman ini.

**Petunjuk**

**PMDDHAR : Prof. Madya Dato' Dr. Hilmi bin Abdul  
Rahman**

**IF : Ili Fahmeeda**

**NF : Nur Farhana**

**BAHAGIAN A: LATAR BELAKANG TOKOH**

**IF** : Assalamualaikum Dato', hari ini saya akan mewawancara Dato' mengenai bagi subjek sejarah pendokumentasian lisan. Saya Ili Fahmeeda binti Ismail, pelajar kursus IM2455A iaitu daripada Fakulti Pengurusan Maklumat.



NF : Dan saya Nur Farhana binti Zaidi datang daripada kursus yang sama.

PMDDHAR : Assalamualaikum, nama saya yang diberi Hilmi bin Ab. Rahman. Orang banyak hairan kenapa Abdul tu A B tapi saya kata, *takleh* [tidak boleh] buat apa sebab *tu* [itu] kadang-kadang orang panggil Hilmi A B Rahman. Sebenarnya bukan A B tapi Abdul. Saya *dilahirkan sepuluh haribulan Julai sembilan belas lima puluh sembilan* [10 Julai 1959]. Tarikh sama dengan tuan punya nama kolej TDM, Tun Dr Mahathir. Sama tarikh dengan Julius Caesar (Ketawa). *Lepas tu* [Selepas itu] saya rasa Brigitte Bardot pun sama juga, artis yang dari Amerika *tu* [itu]. Jadi saya lahir pada tahun *sembilan belas lima puluh sembilan* [1959] dan ibu saya berasal daripada Machang, Pulau Chondong. Ayahanda saya berasal daripada Salok, Kota Bharu dan saya mempunyai bersama-sama dengan saya lima orang adik beradik. Saya yang paling sulung, yang paling menyusahkan keluarga (Ketawa) sebab anak sulung dan telah berkahwin. Isteri saya adalah seorang guru dan berasal daripada Bachok. Anak saya dua orang. Yang *sorang* [seorang] telah bekerja dan *sorang* [seorang] lagi masih bersekolah di tingkatan *satu* [1] dan yang telah bekerja lelaki. Dia belajar di Jepun. Dia sudah pulang dan sekarang bekerja dan yang *kecik* [kecil] *form one* [tingkatan satu] belajar di kolej swasta sebab saya *nak* [hendak] pastikan mereka duduk dekat supaya saya tidak banyak berfikiran. Anak saya *tu* [itu] dulu bekerja di Johor, dia dapat berpindah ke Shah Alam

sebab keluarga saya di Shah Alam. Jadi, anak saya perlu pastikan di kolej yang berdekatan supaya *tak* [tidak] jauh. Dia tidak mahu pergi ke sekolah asrama, dia kata *nak duduk* [hendak tinggal] dekat dengan rumah.

**NF** : **Bolehkah Dato' ceritakan serba sedikit mengenai adik beradik Dato'?**

**PMDDHAR** : Adik beradik saya Alhamdulillah semuanya diberikan kesempatan dan kerahmatan daripada Allah SWT. Semua dapat menikmati pengajian tinggi, masuk universiti dan Alhamdulillah *masa* [semasa] belajar, kami semua hampir sama. Saya belajar di UM [Universiti Malaya]. Ada adik saya dua orang lagi juga belajar di UM [Universiti Malaya]. *Satu* [seorang] Fakulti Sains, *satu* [seorang] daripadanya adalah Akademi Islam. Yang dua [orang] lagi di UPM [Universiti Putra Malaysia] dan seorang lagi yang bongsu di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]. Semua mereka Alhamdulillah dapat peluang itu tetapi kami orang biasa saja [sahaja]. Semua berkhidmat dengan kerajaan. Kami adik-beradik terdiri daripada *dua* [2] lelaki dan *tiga* [3] perempuan namun seorang sahaja yang berkhidmat dengan swasta. Sepatutnya *sembilan* [9] tetapi yang lain meninggal. *Previously* [Sebelum ini] dengan Sime Darby tapi saya ingat dia *resign* [letak jawatan] dan dia kerja dengan swasta dekat Gua Musang. Dia bekerja di estet [ladang atau kebun yang luasnya lebih daripada seratus ekar] dalam *plantation industry* [industri perladangan].

NF : **Anak Dato' yang telah bekerja itu (Dato' batuk) telah berkahwin?**

PMDDHAR : Dia bujang. Bujang trang tang tang [bujang] (Ketawa).

NF : **Berapakah umur anak Dato' itu?**

PMDDHAR : Dia- lahir *sembilan puluh satu* [1991] sebab kereta saya tu [itu] lapan *tiga sembilan satu* [8391] itu dia punya *birthday* [hari jadi]. Yang *crash* [tragedi] itu tarikh hari lahir dia. Yang kapal terbang [MH370] hilang itu. Kan? Saya ingat yang tu [itu] sahaja, saya *tak* [tidak] ingat tarikh surat beranak dia tapi *lapan tiga sembilan satu* [8391] dia dilahirkan. Memang kereta tu [nombor plat] disusun begitu *because basically* [sebab pada dasarnya] ingat dia yang anak tunggal rupanya dia *tak* [tidak] (bunyi ketawa). Jarak dia dengan adik dia *tiga belas* [13] tahun- *sepuluh* [10] tahun. Saya dengan dia (bunyi batuk) *tiga puluh dua* [32] tahun, sama dengan jarak umur Nabi Muhammad SAW dengan Saidina Ali. Saya kaji sebab nama saya sendiri juga adalah nama Gabenor [orang yang menjadi ketua pemerintah sesuatu tanah jajahan] Turki Uthmaniyah yang terakhir di Mesir. Nama saya Hilmi itu diambil daripada situ sebab orang tanya kenapa Hilmi sebab nama Hilmi *ni* [ini] bukan nama *special* [istimewa] di Malaysia dan nama itu *root dia* [asalnya] *Egyptian* [Mesir]. Jadi, nama saya diambil dari nama Gabenor terakhir Uthmaniyah Turki di Mesir yang bernama *Abbas Two* [Abbas II]. Sebab takut orang tanya, adakah nama itu berasal daripada nama siapa-siapa? Jadi, *itulah* [itu adalah] asal usulnya.

Gabenor terakhir sebelum Uthmaniyah jatuh. *You* [Kamu] tahu Uthmaniyah? Gabenor Uthmaniyah Turki yang terakhir di Mesir. Saya takut nanti orang tanya, dia tu Syiah *ka* [ke]? Teruk saya (Ketawa). Saya rasa bukan Syiah sebab Syiah sebelum itu. Nanti orang kata saya Syiah *pulak* [pula].

**NF** : **Apakah nama panggilan yang biasa digunakan oleh rakan Dato'?**

**PMDDHAR** : Saya bernasib baik sebab almarhum ayah bagi nama pendek *ja* [sahaja]. Jadi orang *tak* [tidak] boleh panggil [nama lain]. Cuma di England, professor saya dan *member* [kawan-kawan] panggil Bill tapi saya tidak setuju. *You* [Kamu] kena panggil nama penuh. Jadi saya beruntung tapi *no doubt* [tidak syak lagi] ada orang panggil Mi *tapi tu* [tetapi itu] yang masalah orang Melayu. Orang Melayu *tak* [tidak] panggil nama penuh sebab nama *tu* [itu] kalau tidak dia [nama] boleh jadi mi kuning, mi goreng (Ketawa).

**NF** : **Kebiasaannya, apakah yang Dato' sering lakukan sekiranya mempunyai masa lapang?**

**PMDDHAR** : Pada masa lapang, kalau *you* [kamu] tengok di rumah saya berkotak-kotak buku tidak dibuka lagi. Saya kalau orang ajak main golf kadang-kadang beberapa kali dipujuk tapi saya *tak* [pergi] sebab saya nampak masa *tu* [itu] lebih beruntung, masa lapang. *Lepastu* [Selepas itu] yang biasa saya

buat tapi saya belum buat di UiTM Kelantan lagi adalah saya *cycling* [berbasikal]. Keadaan tayar basikal saya di rumah itu sampai sudah hilang anginnya.

**NF** : **Berbasikal di sekitar UiTM?**

**PMDDHAR** : Saya pakai *mountain bike* [basikal gunung] [basikal yang direkabentuk tahan lasak dan mampu menahan hentakan dan gegaran untuk pelbagai teknik kayuhan di atas bentuk muka bumi yang berbeza]. Kebanyakan anggota badan saya sudah cedera. Lutut kanan dan bahu saya sudah cedera disebabkan itu saya sudah *takleh* [tidak boleh] terlibat dengan sukan yang aktif lagi.

**NF** : **Kiranya sebelum ini Dato' adalah seorang yang aktif bersukan?**

**PMDDHAR** : Bahu saya yang kiri *ni* [ini] *dislocate* [terkehel] pada tahun *lapan puluh lima* [1985]. Lutut saya masa budak budak [kecil] dahulu, sekarang sudah tidak lagi. *Last* [Akhir] sekali *dislocate* [terkehel] semasa UiTM Sabah melawan Penjara dalam ragbi *tercabut* [terkehel] sebelah kiri. Masa muda-muda dahulu sekarang mahu dilupakan sudah cerita lama (Ketawa). Cerita yang pahit. Sungguh. Sebab *tu* [itu] saya cukup *concern* [mengambil berat] dengan *student* [pelajar] supaya jangan main bahaya. Habis. Cedera memang habis. *You gone* [Kamu hilang]. *You* [Kamu] tidak boleh nak [hendak] *repair* [baiki] balik tubuh. Kalau kereta boleh ambil *sparepart*

[alat ganti]. Kesan teruk. Macam *when I was in secondary school* [semasa saya di sekolah menengah], saya *brass band* [pancaragam]. Sekarang sudah tidak boleh tiup *instrument* [peralatan] yang asas. Saya yang betul-betul saya *expert* [mahir] *trombone* [sejenis alat muzik yang ditiup seperti trompet]. Yang tolak tolak itu. Yang *control* [kawal] lagu-lagu Hindustan atau pun\_\_ \_\_ Saya *dah takleh* [sudah tidak boleh] tiup lagi. Nafas sudah jadi pendek. Saya beruntung sebab masa sekolah lagi saya *dah* [sudah] didedahkan dengan macam macam jadi apa yang dilalui oleh pelajar saya tidak ada masalah. InsyaAllah. Bukan saya *nak* [hendak] cakap besar tetapi saya rasa sebahagian daripada kehidupan seorang pelajar seperti kegiatan persatuan pelajar, kegiatan *student movement* [pergerakan pelajar], *student unionism* [kesatuan pelajar], sebagai pelajar dalam persatuan, saya *dah* [sudah] lalui. Jadi saya agak faham apa yang berlaku dan juga tabiat-tabiat pelajar.

**NF** : **Sewaktu ketika Dato' muda-muda dahulu, apakah cita-cita asal Dato'?' (Dato' batuk).**

**PMDDHAR** : Ya?

**NF** : **Cita-cita asal Dato'?**

**PMDDHAR** : Cita-cita asal masa *kecik dulu* [kecil dahulu] saya nak jadi *jet fighter pilot* [penerbang jet pejuang] (Ketawa). *Jet fighter* [jet pejuang] tapi saya

mempunyai masalah mata. Tahun *tujuh puluh lima* [1975] saya cuba memohon untuk pindah daripada sekolah STAR, Ipoh. Sekolah menengah saya di Ipoh. STAR [Sekolah Tuanku Abdul Rahman]. Sekolah Tuanku Abdul Rahman bukan Tuhanku atau Tunku tapi Tuanku. Sebab nama Agong yang pertama Sekolah Tunku Abdul Hamid. Jadi saya belajar di situ *tahun tujuh puluh lima* [1975] selepas mendapat promosi daripada nama seorang pelajar bernama Annuar Musa. Sekarang beliau adalah seorang Tan Sri. Dia *senior* [pelajar tingkatan atas] saya. Dia kata *joinlah* [masuk] Maktab Tentera. Saya pun minat Maktab Tentera sebab *nak jadi* [hendak menjadi] *jet fighter pilot* [penerbang jet pejuang] kononnya. Almarhum ibu dan ayah saya lebih *prefer* [lebih suka] saya samada jadi doktor ataupun peguam tapi semua tu saya *tak* [tidak] lalui. Sebaliknya, saya terus di dalam bidang jurusan Ekonomi. Kononnya *nak jadi* Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri tapi cita-cita saja. Takda apa itu. Nothing [Tidak ada apa-apa pun]. *Small story* [Cerita biasa] saja. Konon dulu, saya dengar nama Tan Sri Badiozaman. Dia itu Penasihat Ekonomi kepada PM. Saya rasa macam bagus juga tetapi tidak boleh cuma di Sabah, selama *dua puluh lima* [25] tahun saya terlibat dengan Majlis Tindakan Ekonomi (MTES). Majlis Tindakan Ekonomi Sabah itu yang paling dekat dengan menjadi Penasihat Ekonomi. Saya merupakan ahli kepada *Institute for Development Studies* [Institut Kajian Pembangunan] iaitu ia merupakan *think tank* [sebuah organisasi yang melakukan

penyelidikan dan sokongan mengenai topik-topik seperti dasar sosial, strategi politik, ekonomi, ketenteraan, teknologi dan budaya] di negeri Sabah *dulu* [dahulu] untuk Kerajaan Sabah dan juga menjadi Pengerusi Jawatankuasa Dayasaing Pertanian. Yang itu sahaja yang paling dekat dan saya *tak* [tidak] pergi jauh lagi daripada itu. *It's good* [Ia sangat berbaloi]. Saya dapat pengalaman yang cukup banyak contohnya terlibat dengan benda-benda yang berkaitan dengan perbelanjaan. Di Sabah ada Majlis Lembaga Sukan Negeri Sabah, LSNS. Di Negeri Sabah ada dua iaitu Majlis Sukan Negeri, MSN dan satu lagi Lembaga Sukan. Lembaga Sukan *tu* [itu] Negeri Sabah punya sahaja. Jadi kita jaga stadium, jaga pembangunan atlet. Saya dapat peluang tengok macam mana persiapan stadium, nak *buat* [bina] stadium. Stadium terakhir kami terlibat ialah Kompleks Sukan Tawau. Saya dapat tengok *so* [jadi] bila saya jadi Rektor [ketua universiti], saya tahu tentang benda macam ini. Jadi jangan *you* [kamu] sebut benda-benda yang pelik yang saya tahu seperti bagaimana kontraktor hendak kaut keuntungan dan pelbagai karenah orang. Kaedah-kaedah hendak untung, kurangkan simen saya tahu. *Dua puluh lima* [25] tahun. Tahun *lapan puluh empat* [1984] hingga *dua ribu lapan* [2008] bulan Januari saya berada di sana.



**NF** : **Setiap orang mempunyai idola masing-masing. Jadi, siapakah yang menjadi idola Dato'?**

**PMDDHAR** : Saya cukup mengagumi Nabi Muhammad SAW dan kekaguman saya terhadap beliau agak dalam kerana pendekatan beliau bukan sahaja sebagai *spiritual* [bersifat kerohanian atau jiwa] model, saya juga tengok dari segi pengurusan. Misalnya, kalau beliau kata salah satu ibadat yang paling penting ialah berpuasa. Kita dapat tengok arahan berpuasa tu ia tidak umumkan secara terus walaupun ini daripada Allah. Ia tidak umumkan pada masa tahun pertama, tahun kedua, tahun ketiga tetapi diumumkan selepas berhijrah iaitu tahun yang ke *lima belas* [ke-15]. Tahun *kedua* [ke-2] beliau berhijrah baru disebut. Beliau lihat pada kemampuan. Begitu juga kalau kita tengok peringkat persiapan, Dia [Nabi Muhammad SAW] tunjuk betul-betul cara bersiap. Misalnya masa di Mekah, bagaimana beliau membuat persiapan ketika Saidina Umar memeluk agama Islam. Apabila Umar masuk Islam, Umar ini mempunyai fizikal yang kuat, dia juga adalah seorang kaki gaduh. Walaupun Umar sudah memeluk Islam dia tetap membawa perangai lamanya itu tetapi Nabi Muhammad *manage* [urus] kaki gaduh ni. Umar pernah mencadangkan, “kita ni asyik asyik kena tindas, kena lanyak ja, *why not* [kenapa tidak] kita lawan?”. Nak tengok berani *tak* [tidak] berani masa dia berhijrah Umar kata, siapa yang hendak anak dia jadi yatim tunggu kat pintu sekian-sekian. Dia akan keluar pagi esok. Tunggu siapa yang *nak* [hendak] isteri jadi janda, tunggu. Siapa yang

nak mak dia kehilangan anak, tunggu. Dia garang, ganas tapi keganasan itu diurus oleh nabi dengan baik. Nabi berkata (Dato' membaca sepotong ayat Al-Quran yang berkaitan dengan solat). Angkat tangan-tangan kamu dan tunaikan solat. Masa tu solat yang biasa sahaja. Belum rasmi lagi solat. Dia kata jangan gaduh-gaduh. Maknanya, solat itu adalah untuk persiapan diri. Jadi, kita perlu bersiap. Macam kita, kita belajar kena ada kekuatan diri. Salah satu kekuatan diri adalah *spiritual*. Macam dilalui oleh mereka. *Lepastu* [Selepas itu], kalau kita tengok sewaktu Dia [Nabi Muhammad SAW] pergi berperang, Dia kalau berperang itu bukan kerana marah tetapi kerana keperluan. Ataupun kadang-kadang nak pergi perang yang jauh, macam mana Dia buat? Perang jauh di padang pasir, dia bawa unta. Dia bagi unta *tu* [itu] minum banyak-banyak. Selepas perjalanan jauh, semua tentera sudah lapar dan ketika itu hendak berhadapan dengan tentera Rom. Macam mana? Dia sembelih unta. Unta itu akan disembelih dan dimakan oleh tentera. Bonggol unta *tu* [itu] Dia picit, minum air. Orang lain *tak* [tidak] sangka sebab perjalanan jauh. Kalau kereta sekarang minyak habis. Dia [Nabi Muhammad SAW] tidak, Dia ada kaedah-kaedah tersendiri. Sebab tu banyak aspek saya mengambil pakai dalam pengurusan. Misalnya, satu contoh, misal kata, apa maksud persaingan masa surat khabar tahun *dua ribu lapan* [2008] tanya saya. Wartawan itu bertanya mengenai pandangan saya tentang kemasukan bukan bumiputera ke UiTM. Saya pun tanya, "kenapa? Untuk apa?". Dia kata untuk persaingan. Jadi

saya kata, persaingan selalunya kita faham, satu aspek *saja* [sahaja] iaitu berlumba *seratus* meter [100m] itu bersaing tapi ada lagi maksud persaingan yang lain iaitu persaingan dengan diri sendiri. Kita ini sebenarnya bukan setiap kali bangun pagi itu adalah satu perjuangan bukan kerana nak berlawan ada orang ramai ramai tidur itu ya la bersaing *tapi* [tetapi] dalam keadaan tidur *sorang-sorang kat* [seorang dekat] rumah, *you* [kamu] nak bangun atau tidak. Jadi itu bergantung kepada persaingan melawan diri sendiri. Mengapa saya kata begitu, sebab saya ambil dari peristiwa yang dilalui oleh nabi sendiri. Saya bukanlah graduan daripada Fakulti Islam *tapi* [tetapi] saya rasa setiap orang Islam kena ambil pengalaman-pengalaman dan kaedah-kaedah yang diberikan oleh nabi. Nabi pernah berkata, masa dia balik berjalan dari satu peperangan tu, dimana peperangan tadi menyaksikan *tujuh puluh dua* [72] orang syahid. Nabi menunggang unta bersama-sama sahabat dia dan sewaktu mereka sudah hampir sampai ke Madinah, Dia [Nabi Muhammad SAW] berkata kepada sahabat-sahabatNya, perjalanan kita ini seperti berjalan pulang dari peperangan kecil kepada peperangan yang besar. Maksudnya, persaingan tadi kecil, yang datang *ni* [ini] lebih besar. Selepas itu, pegawai Dia menanyakan maksud Dia kerana pegawai tersebut terkejut dengan yang dikatakan peperangan yang mengorbankan *tujuh puluh dua* [72] syahid tadi adalah peperangan yang kecil. Jika ada yang lain yang lagi besar, maknanya *seratus* [100] orang mati, *seribu* [1000] orang mati. Dia kata

tidak, maksudnya persaingan, *jihadullah* [jihad Allah], persaingan diri sendiri. Itu yang lebih besar. Sebab dah [sudah] menang, nanti kita akan besar kepala. Bagi saya sebagai orang Melayu dan juga orang Islam kita perlu mampu untuk melawan diri kita sendiri. Bila kita sudah mampu lawan, *anything* [apa-apa] kita boleh lawan. Kalau kita dapat lawan diri kita sendiri, InsyaAllah, macam pagi-pagi kita bangun tidur, selimut kita ringan saja tapi bila pagi cuba angkat selimut itu waktu bilal tengah kata [berkata] "*Assolaatu khairun minan naum*" [Solat itu lebih baik daripada tidur] *You try* [Kamu cuba] tengok. Susah hendak bangun. *Tak* [Tidak] tahu kalau *you all* [kamu semua] senang hendak bangun atau tidak, saya rasa susah. Setiap hari adalah perjuangan *nak* [hendak] bangun dari tidur. Sebab saya *make a point* [buat matlamat], saya kena bangun awal sebab saya kena *start* [bermula] awal sebab *as a leader of the organization* [sebagai ketua organisasi ini] saya *tak* [tidak] boleh jadi yang paling lewat. Saya kena datang *office* [pejabat] awal. Saya kena berada awal di tempat kejadian. Saya kena berada di depan. Saya *tak* [tidak] boleh orang datang *report* [lapor] saja "Boss, sana ada gini gini, ada budak *accident* [kemalangan]" saya, "okay, *jom p* [pergi] tengok". Pengalaman saya kat UiTM Kelantan ini saya pergi tengok ada budak jatuh motor, dia elak kucing kat [dekat] klinik. Budak *tu* [itu] memang kenal saya sampai harini. Dia ingat dengan saya sebab dia takut bila *nurse* [jururawat] *nak bubuh* [hendak letak] ubat. Dia takut. "Aduh! Aduh!". Saya kata, "potong kaki".

**NF** : **Perempuan atau lelaki Dato'?**

**PMDDHAR** : Lelaki tapi dia manja. Dia anak bongsu. Sampai *harini* [hari ini] dia ingat dengan saya. Saya pergi pegang dia, saya kata “buat, buat ja. Jangan ikut perasaan”. Memang berdarah teruk. Memang hampir kena tulang. Saya kata “nanti buruk, kena potong kaki kalau dah berkudis”. Saya takutkan dia lagi. Jadi, saya terpaksa lebih awal dan lebih dahulu daripada yang lain. *Nak* [Hendak] buat macam mana *kan dah* [sudah] itu kaedah dia. Jadi saya suka disitu tapi oleh kerana saya *ni* [ini] lahir tarikh sama dengan Tun, saya nampak dia sebagai pemimpin yang saya banyak ambil dia punya tulisan sebab saya *follow* [ikut] dia semenjak tahun *Sembilan puluh* [1990]- *tujuh puluh empat* [1974] atau *tujuh puluh lima* [1975]. Saya *study* [belajar] dia sebab Alhamdulillah, arwah ayahanda saya dia beli buku-buku kepimpinan, dia dedahkan Albert Schweitzer, Kwame Nkrumah, John F Kennedy, Albraham Lincoln, Tun Razak daripada kecik-kecik lagi, Sukarno dan yang *tak* [tidak] seronok sikit Mao Tse-Tung. Masa saya darjah *lima* [5]. Saya belajar darjah *satu* [1], *dua* [2] dan *tiga* [3] di Sekolah Tanah Merah. SKTM. Sekolah Kebangsaan Tanah Merah dekat Pejabat Pos. Kalau *you* [kamu] pergi sekarang pun ada lagi sekolah *tu* [itu] dan kakak *senior* saya di sekolah *tu* [itu] saya jumpa dua hari lepas di Karnival Pendidikan UiTM buat. Dia sekarang Penolong PPD [Pejabat Pendidikan Daerah]. Kak Kathy. Kathijah. Kakak senior saya waktu saya *form one* [tingkatan satu]. Dia sudah hendak pencen.

**NF** : **Boleh dikatakan Dato' sebagai tunggak besar dalam organisasi UiTM ini, jadi apakah prinsip yang Dato' sentiasa pegang semenjak daripada menjadi seorang pelajar sehingga sekarang?**

**PMDDHAR** : Bagi saya, staf dari segi kerja. Kalau bagi organisasi, *students* [pelajar-pelajar] adalah merupakan aset yang penting sebab *tu* [itu] saya daripada sekolah rendah lagi, kalau hari perhimpunan tu saya yang turun dan naikkan bendera sewaktu Negaraku. *Head boy* [ketua pengawas] di sekolah rendah. Di Sekolah Tunku Abdul Rahman saya *head boy* [ketua pengawas] dan saya aktif dengan aktiviti persatuan. Masa saya di universiti, saya dengan persatuan dengan *student union* [kesatuan pelajar] dan kami rasa staf dan *student* ni [pelajar ini] adalah komponen yang cukup penting dan fokus universiti dan organisasi itu kena banyak pergi kepada mereka, orang selalu cakap *human capital* [modal insan] [yang ada pada seseorang insan, seperti ilmu pengetahuan, dan kekuatan mental, fizikal dan rohani] jadi itu pendapat mereka *but it's not as simple as human capital* [tetapi ia tidak semudah seperti modal insan]. Apabila menyebut tentang *human capital* [modal insan] ia akan menjadi lebih kepada kebendaan tetapi *human resources* [sumber manusia], dia tetap *human* [manusia]. Jadi, *the most important thing is human* [perkara yang paling adalah manusia]. Perkara ini seperti satu misteri. Memang manusia ini satu misteri. Penumpuan itu tidak bermaksud staf minta apa pun kita lulus, *students* [pelajar-pelajar] minta apa pun lulus. Komunikasi itu mesti *dorang first* [mereka yang

pertama]. Misalnya, *student* [pelajar] memohon untuk bina *cable car* [kereta kabel] daripada luar, memang boleh kalau ada duit tetapi kita perlu ada elemen panas dan elemen sejuk. Kena *balance* [seimbang]. Panas itu bila kita kata tak boleh, sejuk itu bila kita kata boleh. Itu saya rasa keseimbangan yang susah hendak dicari tapi kita kena buat sebab sebagai seorang Muslim, kita ini adalah *Ummatan Wasathan*, umat pertengahan. Umat pertengahan ini bermaksud seseorang itu tidak lebih sana dan dia juga tidak lebih sini. Bukan umat sederhana, sederhana itu lain. Wasatiyyah yang selalu orang sebut *tu* [itu], orang kata sederhana. Sebenarnya bukan sederhana *tapi* [tetapi] pertengahan. Sederhana itu adalah salah satu sifat umat pertengahan. Bukan kita kena berfikiran sederhana tapi sederhana dalam konteks yang mesti pertengahan. Maknanya, tidak lebih. Macam orang Islam, makan bila lapar, berhenti sebelum kenyang. Makan lebih pun *tak* [tidak] boleh, makan kurang pun *tak* [tidak] boleh. Marah pun kena ada. Mesti ada tetapi marah untuk apa? Kerana sayang, sayang untuk apa? Contohnya, pelajar kena faham, tidak semestinya tengok rambut lelaki cantik terus rasa sayang dan minat. Sayang ada tahapnya, tak boleh terlebih tapi jangan *takda* [tidak ada] lansung. Islam tak halang mahasiswa mahasiswi berinteraksi cuma caranya kena betul. *Tak* [Tidak] boleh sembunyi-sembunyi bawah tangga. Kena *proper* [betul]. Jangan lebih. Apatah lagi siswi. Siswi kena menghargai diri dia kerana dijaga dengan rapi oleh *mak* [panggilan singkatan bagi emak]

dan ayah. Takkan *nak* [hendak] sia-siakan apa yang telah dijaga dan diberikan perhatian oleh mak dan ayah.

## **BAHAGIAN B: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**IF** : **Bolehkah Dato' sendiri menceritakan latar belakang pendidikan Dato' ke tahap yang lebih tinggi selepas menamatkan pengajian di sekolah menengah?**

**PMDDHAR** : Sekolah rendah saya di Tanah Merah. Darjah *satu* [1], *dua* [2] dan *tiga* [3]. Lepas itu di Kota Bharu berpindah sekolah sebab arwah ayah saya pindah kerja kan jadi terpaksa la ikut dan berpindah rumah. Walaupun kadang-kadang nampak macam darjah *empat* [4], *lima* [5] dan *enam* [6] di Kota Bharu tapi arwah ayah berpindah jadi rumah berpindah. Jadi, saya tidak ada kenikmatan berkawan dengan orang secara *long term* [jangkamas panjang]. Tak sempat. Cuma yang saya ingat, sebelum saya masuk sekolah rendah, saya duduk dengan tok saya sebab nak berlatih kutip telur ayam dia, jaga kambing. Masa kecil la sebab nama saya tu ambil daripada Uthmaniyah Turki jadi mungkin *training* [latihan] yang agak berbeza la saya kena lalui. Jadi saya tak sempat cuma yang agak lama, saya di Tanah Merah. *Tiga* [3] tahun di *satu* [1] tempat. Tahun *tujuh puluh enam* [1976], *tujuh puluh tujuh* [1977] dan *tujuh puluh lapan* [1978]. Saya lama di situ.



Jadi, saya adalah *lima* [5] *bestfriend* [sahabat karib] kami. *Lima* [5] pendekar. Kami semua aktif dengan *scout* [pengakap] masa kecil dulu. *Some of them* [sesetengah daripada mereka], salah satunya sangat berjaya sekarang, kalau tidak silap, *tiga* [3] atau *lima* [5] syarikat di Bursa Saham. Dia yang sangat *successful* [berjaya]. Rumah dia dekat Tanah Merah di antara terbesar tapi tak siap lagi. *Tiga puluh* [30] bilik. Saya *dok* [sudah] nampak nak buat asrama nanti. Lepas itu, saya melanjutkan pelajaran di Ipoh di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, STAR. Kalau *you* [kamu] baca STAR, STAR tapi kalau *you* [kamu] baca terbalik dia jadi RATS, tikus. Jadi penakut. Budak STAR dia *urat dawai, tulang besi* [merujuk kepada simbolik kekuatan fizikal dan kesihatan]. Dia kuat dengan ragbi, *football* [bola sepak], hoki, kriket, *volleyball* [bola tampar]. Memang sekolah *tu* [itu] di antara *lima* [5] sekolah yang ulung. *Malay college* [Kolej Melayu], STAR, Sekolah Tun Abdul Razak, Tunku Kursiah, Seremban yang sepatutnya anak saya pergi tapi dia tak mahu yang perempuan tu sebab dia kata tak *best* [tidak suka], jauh dan Sekolah Datuk Abdul Razak. Selepas itu saya masuk Universiti Malaya dan lepas itu saya melanjutkan pelajaran selepas saya bekerja dengan UiTM selama beberapa tahun. Saya ingat tahun *lapan puluh sembilan* [1989] saya pergi buat *Master* [Sarjana] ke United Kingdom dekat *Canterbury Business School* (CBS), Universiti of Kent, Canterbury dekat sebelah *Southeast of England* [selatan England] dimana di situ semua majoritinya sukar nak cari orang yang *color* [warna

kulit] macam kita ni. Semua *mat saleh* [orang putih]. Bagi saya, itu merupakan pengalaman terbaik sebab *takda* [tiada] orang Melayu di situ jadi saya berkawan dengan British. Masa tu *my wife* [isteri saya] ikut *so* [jadi] dia *geng* [berkawan] dengan *foreign students* [pelajar asing] yang bukan daripada Malaysia sebab tak ramai *Malaysian* [rakyat Malaysia] kat sana. Di sana saya buat Pengurusan Korporat, Sarjana Muda Pengurusan Korporat. Lepas itu saya balik semula ke Sabah, saya melanjutkan pelajaran untuk Doktor Falsafah *sembilan belas sembilan puluh enam* [1996] hingga *sembilan belas sembilan puluh sembilan* [1999]. Jadi sebelum hujung abad tu, saya dah tamat Doktor Falsafah saya di Bradford Management Centre di University of Bradford dekat Northeast of England.

**NF** : **Dalam bidang apa ya Dato'?**

**PMDDHAR** : Perdagangan Antarabangsa iaitu memang bidang saya. Bidang saya yang khusus adalah bagaimana di bawah teori lokasi di bawah pakar dia, saya punya *supervisor* [penyelia] adalah Peter Barkley, bagaimana kita nak bangunkan pusat-pusat pertubuhan. Misalnya, macam mana nak bangunkan UiTM [Universiti Teknologi Mara]. Apa-apa benda yang kena buat sebab itu saya berada dalam Majlis Tindakan Ekonomi dekat Sabah dan juga *Institute for Development Studies* [Institut Kajian Pembangunan] dan bidang tu memang bidang saya. Macam mana nak bentukkan

pertubuhan, nak bangunan bandar, nak bangunan organisasi, apakah syara-syarat dia dan sebagainya. Saya juga ada Diploma dalam *Research Method* [Kaedah Penyelidikan] yang saya buat sekali gus dengan PhD tu [itu].

**NF** : **Di universiti yang sama?**

**PMDDHAR** : Di Universiti Bradford tapi di universiti yang sama tetapi Fakulti yang lain.

**IF** : **Adakah sejarah pendidikan Dato' *different* [berlainan] bidang?**

**PMDDHAR** : Berlainan bidang?

**IF** : **Berlainan bidang, maksudnya mempunyai daripada Ijazah.**

**PMDDHAR** : Ijazah saya, Ekonomi, lepas itu Pengurusan Koprak. Dia pecahan *tau* [tahu] daripada Ekonomi pergi kepada Pengurusan Koprak lepas *tu* [itu] pergi kepada *detail* [perincian] lagi macam *pendetailan* [lebih terperinci], saya nampak kesinambungan, dia nampak macam berbeza tetapi sebenarnya kesinambungan. Tapi kalau *you* [kamu] baca *degree* [Ijazah] rasmi saya lain. *Degree* [Ijazah] saya sebab UiTM (Universiti Teknologi Mara) dia bagi biasiswa tapi u buat tu bidang lain. Sekiranya universiti lulus, bukan bidang lain tapi dia jadi khusus.(batuk)

**IF** : Apakah pandangan Dato' tentang bidang yang Dato' ceburi yang terutama di luar negara dengan Malaysia ketika itu?

**PMDDHAR** : Bidang yang saya nampak ketika di situ ialah saya nampak kalau di Malaysia ni kita apa suka betul-betul dengan nama Ijazah kita kurang mendalami degree itu sendiri kalau kita di Malaysia. Kalau di England, orang putih dia memang, dia fokus *tau* [tahu] benda-benda *kecik* [kecil]. Macam dia buat satu kerja, dia siapkan begini, ini begini, ini begini. *Documentation* [Pendokumentasian] dia memang dahsyat, semua dia rekod sehinggakan kalau *you* [awak] nak tengok, *you* [awak] pergi Universiti of Manchester. *Institute of Science and Technology*, UMIST kat [dekat] Manchester. Saya penyokong tegar Manchester United, jadi saya selalu *kat* [di] sana. Daripada kelab yang kecil, daripada falsafah kelabnya sendiri. Dekat UMIST *tu* [itu], kalau *you*[kamu] pergi bawah dia bangunan dia asrama, apa, dia punya *library* [perpustakaan] dia, dekat *library* dia *ground floor* [tingkat bawah] *tu tak pa* [itu tidak mengapa], kat bawah tu dia panggil, apa kat England, kalau atas *attic* [loteng], yang di bawah *cellar* [bilik bawah tanah] ke dia panggil. Di bawah tu ada bilik lah, *underground* [bawah tanah] tu dia ada simpan buku-buku, dokumen-dokumen, jurnal-jurnal lama. Jurnal-jurnal lama terutama sekali, ditulis oleh pelaut tau. Pelaut yang bawak, yang jadi ketua kapal yang mengembara ke Timur ke Barat tu. Jadi setiap hari mereka tulis tau. Hari ni, laut bergelora tetapi ikan banyak, lepas itu kami berhadapan dengan masalah, dia tulis. Dia tulis

jurnal. Hari-hari dia buat. Kita *diary* [buku harian]. Tetapi kita tak [tidak] buat *diary* [buku harian], jadi *diarrhea* [cirit-birit] (ketawa kecil) Kita tak [tidak] buat. Kalau *you* [kamu] pergi sana banyak betul, berdebu (batuk) kat bawah *tu* [itu], memang batuk (batuk). Tak ramai orang baca, tapi *mat salleh* [orang putih] suka. Kita kena pergi sana kalau boleh. Sebab itu saya suka pelajar-pelajar UiTM [Universiti Teknologi Mara], Diploma UiTM, *Bachelor* [Ijazah] UiTM, Masters [Sarjana Muda] kena pergi belajar. Ruang banyak. Macam SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] baru *ni* [ini], saya tengok ada *tujuh belas* [17] biasiswa yang terbuka untuk mereka yang *excellent* [cemerlang]. Yang dapat pencapaian yang baik, jadi Masters *better* [lebih baik] pergi, keluar. Pergi tengok *exposure* [terdedah]. Bukan baik, betul *seratus peratus* [100%] mereka tapi ada kebaikan, kalau macam *you* tengok, kalau *you* naik bas (berdehem) sebelum *you* naik bas, *you* [kamu] pergi, *you* tengok orang semua suka membaca. Suka. *Reading is a habit* [Membaca itu tabiat]. Macam mana mereka buat, saya pun tak tahu. Kerajaan Malaysia banyak kali dah cuba buat tapi tak menjadi. Sebab apa saya tak tahu. Tapi masa saya buat *PhD* [Doktor Falsafah] *tu* [itu], anak saya, saya dapat tengok macam mana anak saya, kami balik semula ke Malaysia masa dia darjah *tiga* [3] dan terpaksa menduduki peperiksaan PTS, Penilaian Tahap Satu. Kalau dia lulus dengan tinggi, dia boleh lompat. Dan dia kumpulan *tu*. Tapi dia tidak belajar di Malaysia. *Satu* [1], *dua* [2], *tiga* [3] dia belajar di---, dia ikut saya belajar dekat England. Tapi

belajar dia, kita tengok bagaimana mereka menjadi apa membaca ni dahsyat. Ada kaedah dia, itu yang saya nak cuba gerakkan di sini. (Dato' bertanya dan teringat bahawa beliau mempunyai mesyuarat bersama pensyarah sambil berdehem) bahasa Inggeris. Macam mana kita nak buat. Tambah-tambah lagi bahasa Inggeris, *we have very big problem if u happen to go across Kelantan punya result* [kita mempunyai masalah besar sekiranya kita menilai keputusan di Kelantan] for UPSR [Ujian Penilaian Sekolah Rendah]. *If you happen to encounter* [Sekiranya kamu mendapat] empat [4] A satu [1] B. B tu *English* [Bahasa Inggeris]. Kalau *you* [kamu] pergi PMR pun *the same thing* [sama juga]. *Lapan* [8] A satu [1] B. B tu *English*. *So, there is very strong evidence. That we have to accept the fact that English is basically a problem* [Jadi, ada bukti yang kukuh bahawa kita seharusnya perlu terima fakta yang mengatakan bahasa Inggeris merupakan masalah]. Bukan *problem English* [masalah Inggeris] tu, tapi macam mana kita nak *handle* [atasi]. *Kelantanise known as* [Rakyat Kelantan dikenali sebagai] apa ni *fighting spirit* [semangat juang] dia tinggi tapi macam mana nak terjemah *fighting spirit* [semangat juang] *tu* [itu]. Jadi saya tengok macam mereka cukup *serious* [bersungguh-sungguh] bila buat sesuatu, nampak *serious* [bersungguh-sungguh] bukan kita *tak serious* [tidak bersungguh-sungguh]. Kita cara budaya masing-masing macam kita kata macam orang Jepun sebut, jam Melayu. Jam Melayu tak semestinya jadi momokan. Sebab kita orang Melayu ni kan

tinggal kat Malaysia. *You* [kamu] tinggal Malaysia? Malaysia?

**IF & NF** : Ya.

**PMDDHAR** : Malaysia, *tiga ratus enam puluh lima* [365] hari setahun. *Tak* [tidak] banyak masalah. Kita tak ada gempa bumi, kita tidak ada apa kan. Jadi, kita ni macam *comfortable* [selesa]. Berbanding dengan Jepun, setahun tu sama dengan kita. Tapi yang boleh digunakan dengan betul hanya *seratus lapan puluh* [180] hingga *dua ratus dua puluh* [220] hari ja [sahaja]. *Almost half* [hamper separuh]. Dia boleh guna yang *tu ja* [itu sahaja]. *Slightly more than half* [lebih daripada separuh]. Sebab yang lain-lain tu dengan gempa bumi, tsunami apa lagi. Macam-macam jadi. Begitu juga *some country in* [dalam sesetengah negara] *Scandinavia* [negara di bahagian Utara Amerika] macam negeri-negeri Scandinavia, negeri Denmark, Sweden. Denmark, Sweden apa lagi dekat dengan Scandinavia. Denmark, Sweden Iceland ke, negeri tu. Negeri sama dengan dia, blizzard iaitu ribut salji sepanjang tahun. Negeri *tu* [itu] air batu *ja* [sahaja]. Nak buat apa. Macam Sweden, penghasilan kereta Scania, penghasil Nokia di mana negeri yang tak boleh pasang tiang telefon. Mana boleh negeri tu, air batu nak pasang apa. *So* [Jadi], cara dia macam mana, *they go about finding a solution* [mereka akan mencari penyelesaian]. Telefon yang *ni* [ini], yang *wireless* [internet tanpa wayar] yang tidak ada wayar. Nak pasang tiang tidak boleh. Kita tidak payah pasang tiang. Kalau kita makan

rambutan *lepas tu* [selepas itu] pergi cuti balik kampung, *tak* [tidak] buang air besar kat tandas, (batuk) di belakang rumah, tumbuh pokok rambutan tu. Subur pulak *tu* [itu]. Ada kawan saya dekat Sabah, dia kakitangan Majlis Ugama Islam, dia apa ada tanah dekat nak naik nak pergi Tambunan tu, sebelah jalan, sebelah kanan. Dia ada kedai, restoran, untuk makanan semua Islam, halal. Belakang kedai dia tu, penuh dengan pokok durian. Tanah tinggi rendah ni, pokok durian. Sedap durian sebab air tak bertakung. Jadi air tak bertakung dekat akar, buah durian bagus. Jadi, saya tanya dia, “macam mana *you* [kamu] tanam ni?” Dia kata, “aku lastik ja.” Sebab saujana mata memandang pokok durian. Saya ingat dia pergi ke bawah, korek semua, tak, dia lastik ja, lastik biji durian, tumbuh pokok durian. Lastik. Dahsyat. Maknanya negara kita ni memang tapi latar itu kita jadi macam, apa kita panggil, kita macam *simple* [mudah], *life* [kehidupan] kita. Jadi orang kata *tu* [itu] la Melayu lemah. Sebenarnya bukan masalah *tu* [itu], masalahnya kita kena faham orang Melayu, kita kena faham orang Islam. Jadi kalau kata pukul *lapan* [8] tapi dia datang pukul *lapan setengah* [8.30], jadi jangan suruh dia datang pukul *lapan* [8], suruh dia datang pukul *tujuh setengah* [7.30]. Baru dia datang pukul *lapan* [8]. Jangan *you dok* [kamu akan] kata, saya cukup pantang orang cakap jam Melayu, orang Melayu lembab, tak, kita *style* [cara] kita, nak buat macam mana. Bukan salah ibu mengandung, nak buat macam mana. Nak buat macam mana lagi. Itulah kita. *That's what we are* [Itu adalah diri



kita]. Nak buat macam mana. Redha *je* [sahaja]. Cuma, kena faham betul-betul, macam orang Melayu begini-begini. *So it's take a lot of effort* [Jadi, ia memerlukan banyak usaha] sebenarnya, jadi memang berbeza dengan kita orang putih. Macam Jepun, lewat sikit *tak* [tidak] boleh. Sebab lewat satu hari, lewat seminggu, pokok padi dia tanam, mungkin *tak* [tidak] boleh nak tuai sebab ribut, gempa bumi, apa nama *earthquake* [gempa bumi] apa lagi, tsunami banjir dia masuk, lepas tu macam-macam lagi, dahsyat. Itu yang jadi mereka macam tu. Kita ni *takda* [tiada]. Gempa bumi *takda* [tiada], banjir sekali-sekala, sedih *je* [sahaja] la. Pastu *tak ada* [tiada], kita tak banyak, tak banyak masalah. Sepatutnya, bila kita *tak* [tiada] ada masalah kita kena banyak berfikir macam mana kita nak *make* [buat], sebab tu saya guna untuk UiTM Kelantan, *Together, we make UiTM Kelantan better* [Bersama kita jadikan UiTM Kelantan lebih elok]. Kita nak cuba. Kan? *You* [Kamu] ni dari Kelantan ke semua?

**NF** : Tak.

**PMDDHAR** : Daripada mana?

**NF** : Saya daripada Kedah.

**PMDDHAR** : Kedah. Masa saya belajar dekat Ipoh dulu. *Loghat* [merujuk kepada bahasa daerah atau dialek] yang digunakan adalah loghat Kedah. *Hang* [kamu], hang dia banyak lah. Sebab tu apa ni, semua budak-budak situ. Saya punya

senior semua, *batch* [kumpulan] saya, junior, semua *acquire* [berasal] Kedah punya. *You* [kamu] tengoklah semua *diorang* [mereka], memang begitu. Kedah. Kedah dia pelik sikit lah loghat dia. Masa Sultan Melaka hantar ke Kedah untuk tolong Kedah lawan Siam kan, dia hantarlah Hang Tuah, Hang Lekir semua. Dia balik, jumpa balik dengan Raja Melaka tak boleh dia pergi tak guna sebab hang ramai sangat. Hang, hang banyak sangat (ketawa). Hang, kan? Di Melaka cuma ada *lima* [5] ja Hang. Hang Tuah, Hang Lekir, Hang Lekiu, Hang banyak. Hang, hang (ketawa). Okay. (Dato' mengingatkan bahawa beliau ada mesyuarat pada pukul sembilan setengah)

**NF** : Tapi banyak lagi ni Dato'.

**PMDDHAR** : Okay *takpe* [tidak mengapa], *no problem* [tiada masalah].

### **BAHAGIAN C: ASPEK KERJAYA**

**IF** : Kita beralih kepada aspek kerjaya Dato'. Bolehkah Dato' menceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal Dato' dalam bidang pendidikan?

**PMDDHAR** : Saya *tak* [tidak] mahu ingatlah ialah sebelum saya menyertai UiTM. Saya berada dengan sebuah bank. Saya sepatutnya bekerja di sebuah bank. Tan Heng Li Cooperation yang beribu pejabat di *Penang* [salah satu ibu negeri

di Pulau Pinang]. Bank itu adalah bank yang terkaya dan terbesar di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua. Jadi, saya minatlah dengan bank tu. Jadi, itu adalah bila saya dapat surat tawaran bekerja tu *happy* [gembira] betul. Kan? Dan juga saya ada tempat-tempat lain, yang lain tetapi semuanya berbalik kepada takdirilah. Jadi, *senior* [pelajar lama] saya terutama, dia kata saya, *since* [sejak] saya ni *idealistic* [bersifat idealis], terlampau idealistik. Idealistik dan terlampau apa ni, menekankan *idealism* [idealisme], dia kata *you* [kamu] masuk UiTM lah. Masuk UiTM, *so* [jadi] saya dicabar oleh *senior* [pelajar lama] yang cukup rapat dengan saya, dia bekerja di *UMBC*, [United Malay Banking Cooperation]. Sekarang saya rasa tidak ada lagi *kut* [rasanya] sebab Malaysia telah dihimpunkan bank. Dulu banyak bank, sekarang ada *sepuluh* [10] bank besar di Malaysia kan, di bawah kepimpinan *Tun Mahathir* [bekas Perdana Menteri Malaysia ke-5] tu, *so* [jadi] bank bergabung. Jadi, dia suruh saya masuk UiTM. *Basically* [Secara amnya] saya masuk UiTM. Saya jadi staf. Jadi, saya sepatutnya apa ni berada di tempat lain, *last* [akhir] sekali saya sepatutnya berada di FELCRA [Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan] tapi saya tidak pergi. Saya *join* [terlibat] UiTM. Masa tu banyak peluang. Kalau turun daripada fakulti kami *tu* [itu], daripada Fakulti Ekonomi tangga tu yang macam *you* [kamu] tengok kat *UM* [Universiti Malaysia] macam *Opera House of Sdney* [salah satu pusat sehenti persembahan di Australia], yang sayap *tu* [itu], *you* [kamu] turun,

kat bawah *tu* [itu] kalau lepas *exam* [peperiksaan], merata-rata *signboard* [papan notis] yang besar-besar yang panjang macam ni, *whiteboard* [papan putih]. *Satu* [1] *A4* [sejenis ukuran kertas], berapa banyak A4 sebelah. Saya ingat *dua puluh* [20]. Saya rasa *dua puluh* [20], *tiga puluh* [30], *empat puluh* [40] *whiteboard* [papan putih] macam tu dengan setiap satu [1] *whiteboard* [papan putih] ada *dua puluh* [20], *tiga puluh* [30] tawaran kerja, iklan. *Imagine* [Bayangkan] berapa banyak. Jadi, saya melalui itu semua tapi semua itu saya tidak kekal di situ, saya masuk UiTM pada *sembilan belas lapan puluh empat* [1984]. Itulah, apa ni kerjaya saya. Saya masuk situ. Dan masa saya dekat UiTM saya bernasib baik lah sebab saya ni dibimbing terus oleh Rektor pada masa itu. Nasib saya cukup baik, saya memang bertuah. Saya kata saya memang di antara orang yang beruntunglah sebab berada di Sabah bersama-sama dengan dia Timbalan Rektor, dia akan menjadi Rektor selepas itu. Nama dia Syafie Mihat, kalau siapa yang Sains, Matematik Komputer memang kenal dia. Orang kata dia memang *philosopher* [ahli falsafah]. Dia jadi bos saya tapi teman serumah sebab kami sama-sama bujang, dia kematian isteri. Dia bawa hati dia yang luka tu ke Sabah, jadi saya *bujang trang tang tang* [bujang] masa tu, pergi Sabah. Jadi duduk satu rumah memang, *he was basically responsible for bringing me up in* [beliau secara dasarnya membawa saya di] UiTM. Dia *groom* [latih] saya betul-betul *and* [dan] saya kena berterima kasih kepada dia. Pagi esok saya akan berjumpa dengan dia. Saya nak *breakfast*

[sarapan] dengan dia di Shah Alam. Lepas program malam *ni* [ini], di Ketereh, saya akan *shoot* [bergegas] ke Shah Alam. Jadi, hajatnya saya *plan* [bercadang] nak berjumpa dengan dia asalnya. Jadi, masa saya berada di Sabah *tu* [itu], saya diberi peluang daripada Ketua Kursus Diploma Perakauanan, Ketua apa Kajian Luar Kampus kajian luar kampus, lepas itu menjadi *Coordinator Biro On Research* [Biro Koordinator Kajian], menjadi (berdehem) apa Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan saya bersyukur sebab Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar tu saya *the longest* [paling lama], *dua belas* [12] tahun. Sebab itu di dalam UiTM ni, *trademark* [tanda pengenalan] saya memang Hal Ehwal Pelajar.

**IF** : **Mula-mula sekali UiTM mana Dato' berkhidmat?**

**PMDDHAR** : Tahun *lapan puluh empat* [1984] di UiTM Sabah. Saya di Sabah.

**IF** : **Sebagai Timbalan Rektor?**

**PMDDHAR** : Di situ, semasa saya pergi tu, kami sama-sama, saya ingat *satu* [1] kapal terbang, sampai bersama dengan Timbalan tadi, Timbalan Pengarah, Timbalan Pengetua dia panggil masa tu, Syafie Mihat tadi. Jadi bila tahun *kedua* [ke-2], UiTM Sabah kehilangan Timbalan. Timbalan *tak ada* [tiada]. Jadi masa Timbalan tu jadi Rektor, dia jadi Timbalan *sorang* [seorang] tu kehilangan, dia kena balik. *So* [Jadi], saya diminta terus buat kerja. Di *groom* [latih]. Satu-satu saya diajar, saya *tak* [tidak] jadi secara rasmi tetapi

saya di *groom* [dilatih]. Macam mana nak buat *budget* [belanjawan], bagaimana nak temu duga orang, semua saya buat, *meng clearkan* [istilah campuran Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia merujuk kepada menguruskan] surat dia. Saya buat. Saya diajar. Jadi, saya rasa saya *one of the few* [salah satu daripada beberapa] yang di *groom* [dilatih] betul-betul, saya memang dimentor-mintikan. Ajar nak buat keputusan, misalnya masalah daripada dia saya dapat cara-cara. Lepas tu, Rektor lain pula lama. Timbalan *dua belas tahun* [12] tahun, Timbalan Rektor sahaja. Tapi jadi pensyarah biasa dengan jadi koordinator semua tu kalau saya *dua puluh lima* [25] tahun *and another* [dan yang lain] *dua belas* [12] tahun saya buat tugas-tugas pentadbiran. *I was very early* [Saya terawal], masuk pentadbiran. Tahun *lapan puluh lima* [1985]. *Tak abis* [Tidak habis], jadi tahun *lapan puluh lima* [1985] saya dapat kebaikan yang cukup banyak. Selepas itu *tahun lapan puluh* [1980], tahun *dua ribu lapan* [2008], saya diminta pergi ke Pahang. UiTM Pahang sebagai Rektor. Itu adalah *the first job as a* [pekerjaan pertama sebagai] Rektor. UiTM Pahang. So [Jadi], UiTM Pahang saya pergi situ adalah saya berada di bawah orang, Syafie Mihat, lepas tu Zainuddin Osman sehingga macam *lapan* [8] orang tau. Syafie Mihat, Zainuddin Osman, Wan Abaid, Wan Ismail, Baharuddin Ismail, Nasruddin, kemudian Nasruddin, kemudian Abdullah Mat Said, Timbalan Naib Canselor sekarang, Warren Kabol, *close friend of mine* [rakan rapat saya] yang jadi Rektor UiTM Sabah. So [Jadi], bila berada

dalam keadaan macam itu, *twenty five* [dua puluh lima][25] *years* [tahun], sebagai apa *number* [nombor] *dua* [2] orang kata, so saya rasa saya banyak dapat pelajaran daripada mereka. *So, when I was posted to* [Jadi semasa saya ditugaskan di] Pahang tu, saya rasa InsyaAllah saya boleh cuba buat yang terbaik. So, Alhamdulillah *tiga* [3] tahun berturut-turut UiTM Pahang *champion* [juara] Anugerah Kualiti Naib Canselor dan masa saya tinggal tu, kali terakhir saya sepatutnya berada di UiTM Kelantan bulan Disember tu, saya minta tunda sebulan, saya nak *pack everything* [kemas segalanya] sebab saya nak kena *make sure family* [pastikan keluarga] saya *intact* [dapat menyesuaikan] dulu di tempat, di rumah sebab rumah kami di Shah Alam. Rumah saya di Shah Alam, *family* [keluarga] kami *based* [menetap] kat sana. *So, make sure everybody intact* [Jadi memastikan semuanya dapat menyesuaikan diri] baru saya berani turun. So, di bulan terakhir tu Hari Inovasi Kualiti tu di UiTM tu, pengumuman Kampus Terbaik apa semua, Kampus Cawangan Terbaik, Bahagian Terbaik, Fakulti Terbaik ataupun Keseluruhan Terbaik. *It was very beautiful* [Ia sangat indah], *it was announced as a best campus* [Ia telah dinobatkan sebagai kampus terbaik] semua sekali kali ke *tiga* [3] berturut-turut lah. Jadi saya terasa sedih lah kenapa dalam keadaan macam ni *you all* [kamu semua] hantar saya ke sini dengan mengetahui UiTM Kelantan banyak benda yang. Ia UiTM Kelantan banyak mempunyai kekuatan tapi macam mana nak dibuat. Memang sedihlah masa tu. Saya hampir, *personally* [secara peribadi]

menitis air mata, *why this happen* [mengapa hal ini berlaku], kenapa perkara ini berlaku kepada saya? Saya dah okay [baik], *comfortable* [selesa] di situ, *good already* [baik sekali]. Saya bukan buat masalah pun *and I was very closed* [dan saya amat rapat] dengan kaunselor istana, *I was closed dengan management of* [saya amat rapat dengan pengurusan] kerajaan negeri, *very* [sangat] dengan semua. Kenapa? *So* [Jadi], mereka kata sebab salah satu kategori yang saya dapat *tiga* [3] tahun berturut-turut tu *leadership* [kepimpinan]. Jadi, dia kata, Tan Sri kata “Aku hantar hang Kelantan” [aku hantar kamu ke Kelantan]. Saya kata “Tak pa lah macam tu” [Tidak mengapa kalau begitu], tapi memang rugi la kan, *enam* [6] tahun saya di Pahang, *dua ribu lapan* [2008] sehingga *dua ribu tiga belas* [2013]. *Enam* [6] tahun. *Lima* [5] tahun *sebelas* [11] bulan *to be exact* [lebih tepat]. Di Sabah, *dua puluh lima* [25] tahun *lima* [5] bulan, *dua puluh lima* [25] tahun. *This quite long but the* [Ini merupakan sangat lama] Sabah saya banyak belajar *in terms of management* [dalam konteks pengurusan], mengenal hati budi orang, tanpa apa ni dipengaruhi oleh banyak pihak. *In terms of* [Dalam konteks untuk] mencari, mengumpul harta kekayaan secara bersalah saya tak buat, *there I was very happy* [di sana saya sangat gembira]. (Dato’ telah diperingati oleh Pembantu Peribadinya mengenai mesyuarat akan dihadiri sebentar lagi) Okay [Baiklah], sambung?



**IF** : Soalan seterusnya, kami difahamkan Dato' merupakan penyokong kuat dalam pelaksanaan Minggu Destini Anak Bangsa (MDAB).

**PMDDHAR** : Minggu? Mengubah.

**IF** : Apakah yang dilakukan oleh Dato' sepanjang program itu?

**PMDDHAR** : Saya cukup berterima kasih sebab diberi kepercayaan agak istimewa untuk Mengubah Destini Anak Bangsa [program pendidikan kepada anak-anak miskin Melayu dan luar bandar yang berpendapatan gaji kasar kurang dari RM2,000 sebulan] punya projek. Secara umumnya Mengubah Destini Anak Bangsa adalah tugas hakiki UiTM. Sebab tu saya maklumkan kepada staf, kalau boleh kita ikut resmi apa *ni* [ini], di Jepun ada satu *company* [syarikat], namanya Sony. Sony ni popular. Besar. *You* [kamu] tau kan Sony yang *company* [syarikat] buat *air-cond* [penghawa dingin] semua ni, Sony kat dekat sini panggil Matsushita. Jadi kipas, dapur gas apa semua *tv* [televisyen], banyak dia buat *gadget* [alat] tu. Jadi, bukan *company* [syarikat] yang selalu dilawati oleh orang putih. Jadi orang Amerika nak tengok, macam mana orang Jepun ni hebat. Satu lawatan tu dia nampak, masa mat salleh melawat tu, dia nampak satu pak cik bawa kunci banyak. Jadi dia tanya pak cik (*berdehem*) "*What are you doing here?*" [Apa yang kamu buat di sini] (batuk) You tau pak cik tu jawab apa? "*Here, producing for the world market*" [Di sini, mengeluarkan untuk produk pasaran dunia]. Pak cik tu *jaga* [pengawal keselamatan]. Tapi dia punya kesedaran dia

tinggi, dia *tak* [tidak] kata dia *tu* [itu] *jaga* [pengawal keselamatan]. “Saya buka pintu pagi, tutup pintu petang. Buka lampu pagi, tutup lampu petang.” *Genter* [penjaga kunci], kunci banyak. Kalau dekat Malaysia, dekat UiTM kita tanya, “*you* [kamu] kerja apa?” “Polis bantuan.” Sepatutnya kita kena sebut. “Kerja apa?” “Mengubah Destini Anak Bangsa sebab kita ubah destini.” Orang Melayu, nak buat macam mana, kita kena redha Melayu macam ni walaupun susah kita nak ubah orang Melayu. *Lima puluh* [50] tahun pun susah, kita tidak boleh *give up* [berputus asa], *istiqamah* [Istilah di dalam bahasa Arab merujuk kepada berterusan]. Kalau perlu *lima puluh* [50] tahun lagi tak apa. Kita buat *ja* [sahaja]. Jangan panik. Memang panik sekarang kita tengok. *Imagine* [bayangkan] Dasar Ekonomi baru dibuat pada tahun *tujuh puluh satu* [1971], kata *tiga puluh peratus* [30%]. Sekarang ni *imagine* [bayangkan], *tiga puluh peratus* [30%] tu daripada siapa? Andaikan *seratus juta* [100000000], *tiga puluh juta* [30000000] kan. *Tak* [tidak] tercapai. Hari *ni* [ini], ekonomi bukan *seratus juta* [100000000] lagi mungkin *seribu juta* [1000000000]. Kita nak *tiga puluh juta* [30000000] je. *So* [Jadi], itu pun orang bising. Itu pun *tak* [tidak] dapat. Jadi macam mana nak buat. Kita jangan panik. Kita *rileks* [bertenang] tapi kita jangan *tak* [tidak] buat kerja. *So* [Jadi] *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *come out* [keluar] dengan *tagline* [slogan] Mengubah Destini Anak Bangsa. Tetapi diubah dengan khususnya lagi, dengan Tan Sri *VC* [Timbalan Canselor] kita yang kita kasihi, program

iaitu dengan ambil budak-budak yang miskin *tu* [itu] (berdehem) bawa masuk. Apa di Malaysia, ada satu kumpulan budak nak mohon apa dia tahu, dia *tak* [tidak] risau, dia faham dia layak. Tapi ada satu kumpulan lagi dia *tak* [tidak] boleh *online* [atas talian] pun dia *tak* [tidak] tahu. Komputer dia jauh kan, kadang-kadang dia nak pergi *online* [atas talian]. Saya ambil satu contoh di Kampung Bantang dekat Pahang di gunung, di kaki Gunung Tahan. Dia dari Kampung Bantang nak pergi ke Kuantan dari Gunung Tahan dengan bot *tau* [tahu]. Kalau bot *tu* [itu] airnya dalam, *tak* [tidak] boleh pergi. Kalau *air tohor* [air cetek], bot naik dia, dia kena tolak bot. Tambang dia *enam puluh* [60] ringgit. (bunyi kertas diselak). Lepas tu, dari Kuala Tahan, dia naik bas pergi nak tunggu bas nak pergi ke bandar Jerantut. Nak pergi beli. Dia kena naik lagi *tiga puluh* [30] kilometer pergi ke UiTM Pahang nak pergi tanya khabar borang. Borang nak isi *boring* [bosan], nak hantar semua. (batuk) Balik kadang-kadang tak sempat kena bermalam, bayar lagi. So [Jadi], *tiga puluh* [30] ringgit pula balik. So [Jadi], *enam puluh* [60] ringgit, *seratus dua puluh* [120]. So [Jadi], budak-budak macam ni bukan *kecik tau* [kecil tahu], budak-budak dekat bandar yang *tak* [tidak] mampu yang tak berani nak mohon. Sebab *result* [keputusan] dia *tak* [tidak] berapa bagus. Sekolah menengah dekat hulu Kelantan. *Lima puluh* [50] orang *tak* [tidak] ambil result *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia]. Mereka takut, meraka layak. Mungkin *something need to be done* [sesuatu harus dilakukan]. Jadi budak-budak ni [ini] *seribu*

[1000] tahun mungkin orang, lepas *tu* [itu] *dua ribu* [2000]. Tahun depan, *tiga ribu* [3000], tahun depan, *enam ribu* [6000] bertambah-tambah. So, *there are will be big groups of Malay* [Jadi, sekumpulan besar pelajar Melayu] yang *tak* [tidak] masuk, dengar khabar pun universiti. Akan jadi insyaAllah dua kumpulan Melayu. *The have, the have nots* [Golongan yang memasuki universiti dan yang tidak]. Orang yang kaya dan orang yang tidak kerja, terpinggir dan orang yang berada segala-galanya macam sekarang. Ada *Ferrari* [jenama dari pengeluar kereta mewah buatan Itali], ada *Lamborghini* [jenama dari pengeluar kereta mewah buatan Itali] segala-galanya ada. Ada setengah tu, makan pun dia bayar yuran anak dia, rumah dia *tak* [tidak] berasap. Ada. Mungkin dongeng orang cakap tapi saya *dua* [2], *lapan belas* [18] tahun di pendalaman. Saya berada di Tambunan, Minau, Nabawan, Tenom. Empat [4] daerah Sabah yang setiap hari *seratus* [100] orang tidak datang ke sekolah di Sabah.

**IF** : **Disebabkan?**

**PMDDHAR** : *Seratus* [100] orang, *dua ratus* [200] orang *tak* [tidak] datang setiap hari. Sekarang sekolah *tu* [itu], selama *lapan belas* [18] tahun kami duduk di dalam. Kami duduk di kampung bersama dengan mereka. Kadang-kadang tidur di rumah mereka. Pukul *tiga* [3] pagi, macam dengar bunyi angin-angin kat muka. Tengok. Terkejut. Anjing. Tengah-tengah bercakap dengan mereka, babi masuk. Nak sembahyang pun terpaksa cari batu yang

bersih. Memang sedihlah, air mata punya cerita. Dan peristiwa yang paling sedih sekali, semasa kami berada di Salimantan, di pendalaman Sabah. Kami nak keluar daripada kampung *tu* [itu] ke Lahad, kami berada *tiga* [3] hari di situ, kami nak keluar. Kereta Yayasan Sabah, ibu muda minta kami tumpang anaknya yang sedang sakit. Jadi kami pun bawa keluar budak *tu* [itu] nak pergi ke hospital yang paling terdekat. Anak dia sakit, panas. Saya rasa panas dia. Masa itu, kami *stranded* [terkandas] *kat* [dekat] hutan sebab kereta kami bunga halus, terpaksa tukar bunga kasar sebab jalan *dah* [sudah] teruk. Hujan *dah* [sudah] turun, saya *contact* [menghubungi] isteri saya *tak* [tidak] boleh *handphone* [telefon bimbit]. Budak *tu* [itu] kami pegang dan dia mati atas riba saya. Budak *tu* [itu]. Macam mana *you* [kamu] rasa. Merdeka kita dah lama, tapi kenapa kita ada kemudahan yang cukup asas. Sebab masalah kita sendiri. Kita yang kena. *Tu* [itu] yang saya kata persaingan tadi. Sebab saya amat sentimental dengan MDAB [Mengubah Destini Anak Bangsa]. Kalau ini *tak* [tidak] kiralah istilah itu lainlah, kita *tak* [tidak] pakai istilah *tu* [itu] pun *tak apa* [tidak mengapa]. Tapi orang-orang Melayu yang begini mesti diberi perhatian. Tapi kita tidak boleh biarkan mereka dipermudahkan sahaja tapi kita kena tarik mereka, pegang, pegang tangan. Bawa masuk. Dan kalau di sini, memang kita nampak merasa jikalau di Kelantan banyak lagi tempat yang kita tidak pergi. Dengan bot. Saya pernah pergi dengan bot masa di Pahang saya ambil kereta api daripada Merapoh. *Tiga puluh* [30] orang kami, semuanya

di UiTM [Universiti Teknologi Mara] Pahang berhenti di satu stesen. *Tiga* [3] hingga *lima* [5] turun, terus lagi, *next station* [stesen seterusnya] *tiga* [3] hingga *lima* [5] turun, sampai Kemayang. Di Kemayang baru saya turun bersama dengan timbalan saya. Timbalan saya, Timbalan *HEP* [Hal Ehwal Pelajar], Timbalan Akademik. Kami turun *station* [stesen] yang *last* [akhir] sekali. Kami masuk. Di situ, saya tengok kehidupan masyarakat memang lagi daif. Dengan kereta api. Lepas tu kami pergi dengan bot tengok dan kami berjalan dan kita nak cuba di Kelantan. Kita nak pergi ke persisiran pantai. *Tu* [itu] orang nak buat dengan saya tu tengah urus. Pergi cari keluarga nelayan. Ini merupakan satu benda yang cukup besarlah, jihad yang besar dan selain kita *dok* [hendak] cakap-cakap *je* [saja], macam kita *ni* [ini] banyak cerita benda *tu* [itu] benda *ni* [ini]. Benda tu *tak* [tidak] boleh, kita *tak* [tidak] boleh. Kita kena *ready go down and do it* [kita kena bersedia bermula dari bawah dan melakukannya]. Baru dapat duit. *Do-it* [Istilah digunakan oleh Dato' untuk membuat jenaka mengenai istilah duit]. Kalau tidak tak dapat. (Dato' memperjelaskan bahawa beliau ada mesyuarat untuk dihadiri)

## BAHAGIAN D: HARAPAN

- IF** : Apakah harapan Dato' terhadap pelajar-pelajar UiTM itu sendiri?
- PMDDHAR** : UiTM [Universiti Teknologi Mara] sebenarnya budak-budak kita *ni* [ini], budak-budak Melayu Islam *ni* [ini], sebenarnya dia ada dia punya keinginan, kehendak masing-masing. Disebab kerana keterdedahkan kepada macam-macam kan, cuma perlu kepada panduan sebab itu saya cukup *serious* [penting] dengan *networking* [hubungan] di antara staf dengan *student* [pelajar]. Sebab kalau ada benteng yang mengasingkan (bunyi kertas diselak) memang *we can not go* [kita tidak boleh pergi]. Sebab education atau pendidikan bila benteng diruntuhkan baru dia boleh berkomunikasi. *Student* [pelajar] kena *free* [meluangkan masa] dengan pensyarah-pensyarah, mudah berhubung tetapi tak [tidak] boleh *wasatiyyah* [sederhana]. *Wasatiyyah* [sederhana] jangan lebih la. Yang *student* [pelajar] pulak jangan *dok* [hendak] jeling-jeling *lecturer* [pensyarah] kan. *Lecturer* [pensyarah] pun jangan ambil kesempatan atas *student* [pelajar]. Sebab bila bercampur dengan *tak* [tidak] bersih *tu* [itu]. Dia menjadikan sia-sia semua *tu* [itu]. Kita buat, habis. Saya tak boleh *imagine* [bayangkan] dengan pengalaman saya ambil tindakan atas pensyarah yang menyimpang *tu* adalah cukup menakutkan ramai orang kalau mereka tahu saya ambil tindakan kan. *Kat* [dekat] sini *tak* [tidak] ramai tahu yang mana kita buang pensyarah bawa masuk *student* [pelajar]

dalam bilik ialah dia ingat *student* [pelajar] ialah. Dalam *particular case* [sesetengah] tu saya cukup kagum dengan pelajar tu macam mana dia boleh cerita dengan *detail* [terperinci] nya, dia datang cerita bagaimana dia dipanggil untuk berjumpa sebab dia dikatakan dia pakaian dia *tak* [tidak] bagus. Tapi ramai orang salah sangka, budak macam *ni* [ini] pun ada pendirian *tau* [tahu]. Bukan budak yang bertudung sahaja yang ada pendirian. Budak macam *ni* [ini] pun ada pendirian. *Fantastic that girl* [hebat pelajar perempuan itu]. Dia masuk, lepas tu [itu], pensyarah *tu* [itu] tolak pintu, tutup pintu, tolak meja supaya dia tidak boleh keluar. Tapi saya bersyukur sebab *network* [hubungan] dengan pelajar bagus. MPP [Majlis Perwakilan Pelajar] memantau semasa *tu* [itu]. Dia memang suspek dah pensyarah ni. *Then* [selepas itu], budak tu MPP yang bekerja di RTM [Radio Televisen Malaysia]. Budak saya yang, apa dia bekerja *even* [walaupun] sebelum dia tamat diploma. Dipanggil untuk bekerja dengan RTM. Dia bekerja dengan diploma tanpa ambil *Bachelor* [Ijazah] pun dia jadi penerbit dekat RTM. Tu [tu] yang budak-budak macam *ni lah* [inilah] yang akan banyak member sentuhan yang bermakna kepada saya yang *contribute* [sumbangan] lah. Kan. Macam kat sini kita ada Sharil siapa, Sharil Shafudin di RTM juga. Tapi dia *in charge* [bertanggungjawab] di bahagian pendigital semua program-program RTM. Memang *true son of UiTM* [anak jati UiTM]. Memang dia bagus dia. Dia NYDP [Naib Yang Dipertua] semasa tu, dia ikut, dia *follow* [ikuti]. Dia bukan nak *kat* [dekat]



budak *tu* [itu] pun, *tak* [tidak] kawin dengan budak *tu* [itu] pun, dia ikut. Sebab kejadian yang pensyarah *tu* [itu] memang suka aktiviti-aktiviti yang pelik-pelik *tu* [itu]. Dia suka, dia nampak *student-student* [pelajar-pelajar] yang langgar peraturan, dia panggil pergi ke bilik. Kenapa pakai macam *tu* (ketawa). Itu strategi, cari makan. (ketawa) *Okay* [Baiklah], ada lagi? (bunyi kertas diselak)

**IF** : **Apa strategi-strategi yang boleh diambil kira untuk menaikkan lagi ranking UiTM ni?**

**PMDDHAR** : Mula-mula dekat UiTM *ni* [ini] kita kena susun dulu supaya tadbir uruslah. Kena susun tadbir urus dan letak *order* [atur]. Keaturan kampus ini. Sebab macam *you* [kamu] tengok sekarang Polis Bantuan telah tingkatkan. *Reverse parking* [tempat meletak kereta khusus secara mengundur] macam dah berlaku kan. Dia bukan masalah *tak da* [tiada] parking *tau* [tahu], tapi ada. Tapi macam *Mathama Ghandi* [salah seorang tokoh pemimpin di India] kata *the world is enough for the need but it's not enough for the greed* [dunia ini cukup untuk keperluan manusia, tetapi tidak akan cukup untuk ketamakan manusia]. Greed, tamak. *For the need parking* [Bagi yang memerlukan tempat letak kereta] memang tak payah bergaduh dengan *student* [pelajar] pasal *parking* [tempat letak kereta]. Memang cukup. Memang boleh cukup. Kalau *parking* [tempat letak kereta] tersusun, keaturan di jalan sebelah kiri, biar kereta menuju ke sana. Jalan

sebelah kanan ni, biar kereta ke sana. Kalau jalan itu sempit jangan kiri kanan parking. Parking di tempat-tempat yang betul dan ada order. Keaturan. *So* [Jadi], orang tengok pun, ceria sikit. Macam *you* [kamu] keluar kadang-kadang hari Sabtu, hari Jumaat Sabtu, *you* [kamu] keluar pagar kiri tu tutup, *tak* [tidak] boleh buat macam tu. Pagar tu [itu] kena buka sebab kita rasa sempit dunia, nak kena pusing *kut tu* [ikut itu]. Dia kena *order* [atur], *order tu* [atur itu] mesti kena ada. *First* [Pertama], kita tengok tadbir urus dulu, kita kena tengok, faham dulu dan saya perlu masa untuk faham. *Ni* [Ini] pun tengah *meeting* [mesyuarat]. Anugerah Kualiti Naib Canselor. Saya dah *tiga* [3] kali merasai *champion* [juara], kali ni saya pun *tak* [tidak] tahu nak cakap apa, sangat sentimental. Autonomi. Masa saya, kita pernah dapat autonomi di UiTM Pahang. *Autonomi* [Sejenis hak serta kebebasan Universiti Negeri merangka strategi operasi pentadbiran dan pengurusan tanpa Universiti Induk mengarah dan mengawal] ni penting sebab kita nak jadi *universiti full flat* [universiti yang mempunyai pencapaian yang cemerlang] langkah-langkah dia bila ada *tu* [itu] dapat duit *budget* [belanjawan] banyak, macam Pahang, *empat ribu* [4000] tempat asrama baru, *empat ribu* [4000] orang, baru asrama. Dah [Sudah] banyak asrama *kat* [dekat] situ, masa saya pergi dekat Pahang, saya dapat bangunan yang ada apa ni *tiga puluh* [30] makmal, *seratus sepuluh* [110] bilik pensyarah, *empat puluh* [40] *classroom* [kelas] saya dapat, kemudian saya dapat lagi *empat puluh* [40] *classroom* [kelas], saya

dapat asrama lagi untuk *lima ratus* [500]. *Lima ratus* [500] saya suruh kontraktor ubahsuai bilik, susun betul-betul, dapat *tujuh ratus enam puluh lapan* [768] bilik, *now* [sekarang] *tujuh ratus enam puluh lapan* [768] *student* [pelajar]. Asalnya *lima ratus* [500] tapi kena pandai lah. *You* [kamu] kena terlibat betul-betul, *you* [kamu] pusing bilik *you* [kamu], *you arrange* [kamu aturkan] balik. Dapat *tujuh ratus enam puluh lapan* [768] orang. Lepas tu saya dapat yang bangunan yang apa *empat* [4] tingkat tu, yang kelas. Lepas tu saya dapat *library* [perpustakaan] baru. Lepas tu saya dapat kompleks sukan dimiliki oleh Majlis Bukan Negeri Malaysia, dekat Pahang, ada satu tu, UiTM *take over* [ambil alih]. Saya minta nak guna *dua puluh* [20] tahun, dia kata *sembilan puluh sembilan* [99] tahun. Ada stadium semua, ada asrama semua. Maknanya *you* [kamu] kena dapat dulu UiTM dapat pencapaian, baru orang bagi. *Ni you* [kamu ini] dapat apa tak dapat, tak ada sapa *vote you* [undi kamu]. *You* [kamu] kena dapat Ijazah dulu baru *you* [kamu] boleh pergi, minat-minat dengan orang. Sekarang jangan bercinta dulu, tunggu dulu tingkatkan harga dulu nanti bila lagi tinggi Bachelor mungkin *dua puluh ribu* [20,000]. Kalau tidak ada *Bachelor* [istilah Bahasa Inggeris merujuk kepada Ijazah], *lapan ribu* [8000], Diploma *lima ribu* [5000]. (ketawa) Faham kan maksud dia? (ketawa) Kena semangat. Tapi bagi saya tadbir urus kena kuat dulu baru kita boleh. Asrama Kelantan tak cukup, makmal tak cukup, *classroom* [kelas] tak cukup. Nak konvo macam mana dewan pun *kecik* [kecil] ja.

Sekali konvo, *enam ratus* [600] orang boleh masuk. Maksudnya *dua ratus* [200] graduan sahaja sebabnya sekali ayah dengan mak. *Big problem* [masalah besar]. Tak tahulah macam mana. Tawakal macam mana. Nak buat macam mana. Tapi tak boleh *give up* [berputus asa]. Sebab Kelantan ni *dia* [merujuk kepada rakyat negeri Kelantan] lain. *Enam puluh lima peratus* [65%] dia, warga dia *Kelantanise* [istilah Bahasa Inggeris merujuk kepada rakyat berasal dari Kelantan]. Semuanya *comfortable* [selesa] sekarang.

**IF** : **Terima kasih Dato' untuk sesi wawancara ni [ini], kami ucap terima kasih banyak-banyak untuk atas masa yang diberikan dan kami berharap UiTM Machang terus berjaya. (ketawa)**

**PMDDHAR** : Insyallah.

Terima kasih diucapkan kepada Dato' kerana sudi meluangkan masa bersama kami. Maka berakhirlah sesi temuramah bersama Dato' pada hari ini.

# **RUJUKAN**

Utusan Online. (2014, Jun 11). *UiTM Kelantan perkenal teori followership*. Retrieved Januari 2, 2014, from Utusan ONLINE: [http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20140103/wt\\_02/UiTM-Kelantan-perkenal-teori-followership](http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20140103/wt_02/UiTM-Kelantan-perkenal-teori-followership)

Utusan Online. (2014, Jun 11). *Tarik Orang Asli masuk UiTM*. Retrieved Januari 8, 2014, from Utusan Online: [http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20140108/wt\\_01/Tarik-Orang-Asli-masuk-UiTM](http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20140108/wt_01/Tarik-Orang-Asli-masuk-UiTM)

Ab Rahman, P. M. (2014, April 7). *Pendokumentasian Sejarah Lisan*. (I. F. Ismail, & N. F. Zaidi, Interviewers)

# LAMPIRAN

# **LOG WAWANCARA**



### LOG WAWANCARA

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG</b>		
0:30	Latar belakang diri dan keluarga	1) Hilmi bin Ab Rahman
12:10	Permulaan kerjaya	1) Tan Sri Annuar Musa 2) Majlis Tindakan Ekonomi Sabah 3) Bekas rektor UiTM Pahang
<b>BAHAGIAN B (LATAR BELAKANG PENDIDIKAN)</b>		
30:25	Latar belakang pendidikan	1) Sekolah rendah di Tanah Merah 2) Sekolah Tuanku Abdul Rahman 3) Universiti Malaya 4) Canterbury Business School, University of Kent, Canterbury 5) Bradford Management Centre, University of Bradford
36:39	Bidang yang dipelajari	1) Perdagangan Antarabangsa 2) Diploma Research Method 3) Ijazah dalam Ekonomi
37:21	Pandangan mengenai bidang diceburi sewaktu di luar negara	1) Cara pendokumentasian di sana bagus 2) Budaya memelihara khazanah sumber bacaan lama dipelihara 3) Kepentingan tabiat membaca

42:54	Kelebihan negara Malaysia	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Bebas bencana alam</li> <li>2) Sumber alam semulajadi</li> <li>3) Fahaman budaya orang Melayu</li> </ol>
<b>BAHAGIAN C (ASPEK KERJAYA)</b>		
48:43	Penglibatan awal menceburi dalam bidang pendidikan	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Mendapat tawaran bekerja di bank, Tan Heng Li Cooperation</li> <li>2) Bekerja sebagai staf di UiTM</li> <li>3) Menyandang jawatan sebagai Ketua Kursus Diploma Perakauanan, Biro Koordinator Kajian, Ketua Kajian Luar Kampus, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar</li> <li>4) Menyandang jawatan Rektor di UiTM Pahang</li> </ol>
56:55	Pencapaian yang pernah diperoleh	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) UiTM Pahang juara 3 tahun berturut-turut, Anugerah Kualiti Naib Canselor, Kampus Terbaik, Kampus Cawangan Terbaik, Fakulti Terbaik.</li> </ol>
1:02:45	Penglibatan ligat dalam Mengubah Destini Anak Bangsa (MDAB)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Menceritakan pengalaman sepanjang terlibat dalam program ini</li> </ol>
<b>BAHAGIAN D (HARAPAN)</b>		
1:08:23	Harapan terhadap pelajar-pelajar UiTM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Hubungan pelajar dengan pensyarah perlu baik</li> </ol>
1:12:15	Strategi-strategi untuk menaikkan ranking UiTM	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Susun tadbir</li> <li>2) Keaturan kampus</li> </ol>

# **SENARAI SOALAN**

## **SENARAI SOALAN:**

### **LATAR BELAKANG**

1. Apakah nama penuh Dato' mengikut kad pengenalan?
2. Apakah nama panggilan yang biasa digunakan yang biasa digunakan oleh rakan Dato'?
3. Bila dan dimana Dato' dilahirkan?
4. Dimana Dato' menetap sekarang?
5. Apakah nama penuh ibu dan bapa Dato'?
6. Adakah mereka masih hidup?
7. Mereka berasal dari mana?
8. Berapakah bilangan adik-beradik Dato' dan Dato' anak yang ke berapa?
9. Bolehkah Dato' memberitahukan nama mereka mengikut urutan umur?
10. Apakah pekerjaan adik-beradik Dato' sekarang?
11. Bilakah Dato' mendirikan rumah tangga?
12. Apakah nama penuh isteri Dato'?
13. Bagaimana dan dimanakah Dato' mula mengenali isteri Dato'?
14. Berapakah bilangan anak Dato'?
15. Apakah nama dan umur mereka?
16. Apakah pekerjaan anak-anak Dato' sekarang?
17. Adakah mereka semua telah mendirikan rumah tangga?
18. Adakah Dato' sudah mempunyai cucu?
19. Apakah hobi Dato' pada masa lapang?
20. Apakah cita-cita Dato' pada asalnya?
21. Mengapa Dato' menjadi seorang pensyarah/pendidik?
22. Adakah ibu bapa Dr. menggalakkan atau menyokong pilihan Dato' menjadi seorang pendidik?
23. Siapakah idola atau role model yang menjadi contoh dalam hidup Dato'?
24. Apakah prinsip yang sentiasa dipegang dalam hidup Dato'?

## **PENGALAMAN**

25. Bolehkah Dato' menceritakan serba sedikit tentang kehidupan Dato' terdahulu sewaktu bergelar seorang pelajar?
26. Apakah kenangan manis yang pernah dialami dalam kehidupan Dato'?
27. Apakah kenangan pahit yang pernah dialami dalam kehidupan Dato'?

## **LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

28. Bila dan dimanakah Dato' mendapatkan pendidikan awal?
29. Adakah Dato' memasuki sekolah rendah dan sekolah menengah di tempat yang sama?
30. Bila dan dimanakah Dato' memulakan alam persekolahan rendah dan menengah?
31. Bagaimanakah pembawakan diri Dato' pada ketika itu?
32. Bagaimana keadaan atau suasana serta kemudahan dan para guru pada zaman persekolahan Dato' ketika itu?
33. Apakah subjek yang disukai dan tidak disukai? Mengapa?
34. Adakah Dato' aktif dalam persatuan dan kokurikulum ketika itu?
35. Apakah jenis peperiksaan yang diambil pada ketika itu?
36. Bagaimanakah pencapaian Dato' dari segi akademik dan kokurikulum pada zaman persekolahan?
37. Apakah pengalaman manis dan pahit yang dialami semasa zaman persekolahan?
38. Siapakah teman yang paling diingati pada masa itu?
39. Setelah tamat zaman persekolahan, adakah puan terus mnyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi atau bekerja terlebih dahulu?
40. Bilakah Dato' mula melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi?
41. Apakah bidang atau kursus yang diambil pada ketika itu?
42. Apa pandangan Dato' tentang bidang tersebut yang terdapat di luar Negara dengan Malaysia pada ketika itu?
43. Bagaimana pula dengan penerimaan masyarakat tentang bidang tersebut?

44. Adakah ibu bapa Dato' pula menerima dan menyokong dan membantu Dato' dalam pengambilan bidang tersebut?
45. Selepas itu, Dato' menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi lagi daripada itu? Bila dan dimanakah itu berlaku?
46. Semasa di alam universiti, bagaimana pencapaian akademik Dato' ketika itu?
47. Bolehkah Dato' berkongsi cara atau tips pembelajaran Dato' pada masa itu?
48. Siapakah yang menjadi teman seperjuangan yang diingati pada masa universiti dahulu dan adakah Dato' masih rapat sehingga sekarang?
49. Bagaimana pula penglibatan aktiviti berpersatuan dan sukan di alam universiti? Adakah Dato' seorang yang aktif?
50. Pada pendapat Dato', apakah perbezaan yang Dato' nampak antara sistem pendidikan dahulu dan sekarang?

#### **ASPEK KERJAYA**

51. Boleh Dato' ceritakan serba sedikit tentang penglibatan awal Dato' dalam bidang pendidikan?
52. Apa yang mendorong Dato' untuk menjurus ke dalam bidang pendidikan terutamanya pensyarah dalam bidang \_\_\_\_\_?
53. Bagaimanakah kerjaya Dato' bermula?
54. Apakah pekerjaan awal Dr. sebelum Dato' berkhidmat di sini?
55. Apa pendapat Dato' tentang universiti ini?
56. Apakah posisi awal yang dilantik kepada Dato' semenjak bekerja di UiTM?
57. Di UiTM manakah Dato' mula berkhidmat?
58. Apakah Dato' lebih gemar berkhidmat di sini ataupun di cawangan yang terdahulu?
59. Bolehkan Dato' ceritakan sumbangan Dato' terhadap UiTM sepanjang tempoh Dato' berkhidmat di sini dan juga cawangan sebelum ini?
60. Bagaimanakah Dato' membahagikan masa antara kerjaya dengan kehidupan berkeluarga?
61. Apakah Dato' pernah menerima sebarang anugerah di UiTM?

62. Apakah cabaran yang dihadapi oleh Dato' sewaktu berkhidmat di UiTM?
63. Selain daripada membentuk pelajar, bagaimana Dr. berhadapan dengan semua staf-staf dari pelbagai peringkat/level iaitu dari akademik mahupun bukan akademik?
64. Sekiranya Dato' tidak bekerja dalam bidang ini sekarang, agaknya apakah pekerjaan yang mungkin Dato' lakukan sekarang?
65. Kami difahamkan Dr. merupakan penyokong kuat dalam pelaksanaan program Minggu Destini Anak Bangsa (MDAB), apakah pendekatan yang telah dilakukan oleh Dato' sepanjang program ini berlangsung?
66. Bolehkah Dato' berkongsi serba sedikit pengalaman Dato' sepanjang mengikuti program ini?

#### **HARAPAN**

67. Apakah pendapat Dato' terhadap bilangan pelajar yang tidak seimbang diantara lelaki dan perempuan?
68. Apakah harapan Dato' terhadap pelajar-pelajar UiTM?
69. Apakah nilai-nilai yang perlu ada dalam setiap pelajar di UiTM ini?
70. Pada pendapat Dato', apakah pandangan Dato' terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran di UiTM berbanding dengan universiti-universiti lain?
71. Bagaimanakah pula strategi-strategi yang boleh diambil kira untuk menaikkan lagi ranking UiTM sebagai diantara universiti terbaik di Malaysia malahan di seluruh dunia?
72. Pada pandangan Dato', sejauh manakah peranan UiTM pada pelajar?

# **SURAT PERJANJIAN**





## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

### PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Prof. Madya Dato' Dr. Hilmi Ab Rahman Pada 7 April 2014.

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh).  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....  
Prof. Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Ab  
Rahman,  
Rektor UiTM Cawangan Kelantan

.....  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

# **GAMBAR**



**Gambar 1 : Gambar kenangan bersama YBhg Prof Madya Dato' Dr. Haji Hilmi Bin Ab Rahman selepas sesi temuramah**

# INDEKS

## INDEKS

---

### A

Amerika · 3, 28, 39  
autonomi · 48  
ayah · 6, 10, 18, 19, 48

---

### B

baca · 20, 23, 25  
bank · 32  
berhijrah · 11  
**bidang** · 2, 10, 22, 23, 24, 31  
bilik · 20, 25, 46, 48  
British · 20  
buat · 3, 7, 10, 11, 16, 18, 20, 22, 23, 24,  
28, 35, 39, 43, 46, 48  
budak · 7, 11, 30, 40, 43, 45  
buku · 7, 16, 25  
bumiputera · 11

---

### C

cuba · 9, 11, 25, 28, 36, 43

---

### D

Dato · 2, 4, 5, 6, 7, 9, 11, 16, 17, 19, 22, 23,  
24, 25, 31, 34, 36, 38, 43, 45, 50  
degree · 23, 24  
Diploma · 22, 25, 32, 48  
*Documentation* · 24  
Doktor · 20, 25

---

### E

Ekonomi · 10, 22, 23, 32, 40  
England · 6, 20, 24

---

### F

*FELCRA* · 32

---

### H

Hal Ehwal Pelajar · 32, 43  
**harapan** · 2, 45  
Hilmi bin Ab. Rahman · 3  
*human* · 17

---

### I

ibu · 3, 10, 28, 32, 43  
*idealistic* · 32  
Inggeris · 25, 35, 48  
Ipoh · 9, 20, 30  
isteri · 11, 20, 32, 43

---

### J

Jepun · 3, 25, 27, 39

---

### K

kampus · 32, 36, 47  
Kedah · 30  
*Kelantan* · 25, 28, 36, 40, 43, 48  
*Kelantanise* · 25, 48  
**kerjaya** · 31, 32  
Komunikasi · 18  
Kota Bharu · 3, 19

---

### L

latihan · 20  
Lembaga Sukan Negeri Sabah · 10  
lulus · 18, 23, 25

---

**M**

mahasiswa · 18  
mahasiswi · 18  
Majlis Sukan Negeri · 10  
Majlis Tindakan Ekonomi Sabah · 10  
Maktab Tentera · 9  
Malaysia · 4, 5, 20, 24, 27, 32, 35, 40, 46, 48  
Manchester · 24  
Marah · 18  
Master · 20  
mat salleh · 25, 39  
Melayu · 6, 11, 20, 25, 28, 39, 43, 45  
Mengubah Destini Anak Bangsa · 39, 43  
**Minggu Destini Anak Bangsa** · 38  
MPP · 46

---

**N**

Nabi Muhammad SAW · 5, 11  
NYDP · 46

---

**O**

orang Islam · 11, 18, 28  
organisasi · 10, 11, 17, 22

---

**P**

Pahang · 36, 40, 43, 48  
Parking · 48  
pelajar · 2, 7, 9, 17, 18, 20, 25, 32, 40, 45, 48  
pemimpin · 16, 48  
**pendidikan** · 2, 19, 23, 31, 39, 45  
pengurusan · 11, 36, 48  
pensyarah · 25, 35, 45, 48  
peperangan · 11  
Perdagangan Antarabangsa · 22  
perhatian · 18, 43  
perjuangan · 11  
persaingan · 11, 43

persatuan · 7, 17  
pertengahan · 18  
Peter Barkley · 22

---

**R**

Rektor · 10, 32, 35  
*Research Method* · 22  
RTM · 46  
rumah · 3, 7, 11, 20, 28, 32, 36, 40, 42

---

**S**

Sabah · 10, 20, 22, 28, 32, 34, 36, 40, 43  
Scandinavia · 28  
**sejarah** · 2, 23  
sekolah · 3, 7, 9, 16, 17, 19, 40, 42  
Sekolah Tanah Merah · 16  
Sekolah Tuanku Abdul Rahman · 9, 20  
senior · 9, 16, 30, 32  
siswi · 18  
spiritual · 11  
SPM · 25, 40  
stadium · 10, 48  
staf · 17, 32, 39, 45  
**strategi** · 2, 10, 46, 47, 48  
sukan · 7, 48  
Syafie Mihat · 32, 35

---

**T**

Tanah Merah · 16, 19  
Terbaik · 36  
tulisi · 25  
Tun Dr Mahathir · 3  
Tunku Kursiah · 20

---

**U**

UiTM Kelantan · 7, 11, 28, 36  
UiTM Sabah · 7, 34, 35  
*Ummatan Wasathan* · 18

United Kingdom · 20  
universiti · 4, 10, 17, 23, 40, 48  
Universiti Malaya · 4, 20  
Uthmaniyah · 5, 20

---

**W**

Wasatiyyah · 18, 45

---

**Y**

*you* · 7, 10, 11, 16, 20, 23, 24, 28, 30, 32,  
36, 39, 43, 47